



# SELANGOR INI

PERCUMA 8 - 15 April 2016, 30 Jamadilakhir - 7 Rejab 1437H

www.selangorku.com  
MediaSelangorku  
MediaSelangor  
tv.selangorku.com  
**#SmartSelangor**

## PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN DERMASISWA UNISEL

- RM3.9 juta membiayai 500 pelajar jurusan Sains dan Teknologi Maklumat
- RM7,500 hingga RM8,040 setiap pelajar
- Bermula ambilan Mei 2016
- Bantu pelajar keluarga berpendapatan rendah



**BERITA PUENUH MUKA 3**



**BERITA PUENUH MUKA 7**

**LAPORAN KHAS DNS**



**5,6,7 & 8**

**Setahun Pelaksanaan GST**



**2**

**KHAS SARAWAK**

**15**

## Calon PRN Sarawak

# TI-M: Tandatangan ikrar integriti

**SHAH ALAM** - Transparency International Malaysia (TI-M) menggesa calon bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak menandatangani Ikrar Integriti Pilihan Raya.

Presidennya, Datuk Akhbar Satar, berkata TI-M percaya integriti adalah prasyarat utama dan penting sebagai aku janji politik ke arah pemimpin 'sifar' rasuah.

Katanya, calon pilihan raya perlu menunjukkan keikhlasan membudung gejala rasuah ke arah

menjadikan Sarawak negeri lebih baik.

"Kita mahu calon bertanding dan wakil rakyat memberikan komitmen terhadap rasuah dengan menandatangani ikrar ini," katanya dalam kenyataan media pada 5 April lalu.

Akhbar berkata, TI-M juga menggesa pengundi memantau calon yang sudah menandatangani ikrar itu supaya mengamalkan tadbir urus baik.

"Ikrar ini pengisyiharan awam

supaya calon tidak menyalahguna dan memastikan dana awam, sumber dan kemudahan tidak digunakan untuk berkempen serta mematuhi Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan peraturan Had Perbelanjaan Pilihan Raya.

"Kita semua perlu memerangi rasuah dan usaha ini perlu direalisasikan pemimpin diberi kepercayaan rakyat.

"Jadi kita berharap mereka bangkit memenuhi cabaran ini demi negara," katanya.

## MB: Penahanan Rafizi hina sistem demokrasi berparlimen

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengecam penahanan Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli di depan bangunan Parlimen pada 5 April lalu.

Mohamed Azmin berkata, penahanan itu dibuat sewenang-wenangnya, salah guna kuasa polis dan penghinaan terhadap sistem demokrasi berparlimen.

Katanya, tindakan drastik polis sebegini hanya mengukuhkan tanggapan bahawa kewibawaan undang-undang tersongsang ter-

balik dan institusi negara lebih berminat melindungi 'tuan politik' berbanding rakyat.

"Sebagai seorang ahli parlimen dipilih rakyat, adalah kewajiban Rafizi untuk mendedahkan kesalahan dan aktiviti rasuah tidak kira masa atau tempat.

"Polis sepatutnya menyiasat pesalah bukannya pemberi maklumat," kata Mohamed Azmin dalam kenyataan media pada 5 April lalu.

Sebelum ini, Rafizi memaklumkan beliau mendapat tahu ada tiga

**Polis sepatutnya menyiasat pesalah bukannya pemberi maklumat**

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

siasatan polis serentak ke atasnya.

Ia berkenaan pendedahan beliau mengenai Tabung Haji, bayaran pencen yang lambat dan siasatan di bawah Akta Rahsia Rasmi.



## Lebih 3,000 banjiri Dataran Merdeka

OLEH AFIX REDZUAN

**KUALA LUMPUR** - Rakyat berbilang kaum mengambil peluang membanjiri ibu negara pada 2 April lalu bagi menyuarakan bantahan terhadap pelaksanaan Cukai Barang-an dan Perkhidmatan (GST).

Himpunan bertemakan "Undur Najib, Mansuh GST" itu berlangs-

sung genap setahun selepas GST yang mengenakan kadar enam peratus dikuatkuasakan pada 1 April 2015.

Dalam perhimpunan sama, rakyat turut menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan ekoran terpalit pelbagai skandal kewangan mutakhir ini.

Cuaca panas tidak menghalang peserta daripada berkumpul di Dataran Merdeka meskipun kawasan itu ditutup Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak awal pagi.

Beberapa pemimpin turut mengambil giliran menyampaikan ucapan ketika perhimpunan berlangsung.

## Badan khas PEMANTAU pastikan PRN telus



### Pantau Lima Kawasan DUN

**N02. Tasik Biru**  
(Bau/Tondong/Serikin)

**N75. Senadin**  
(Miri/Kuala Baram /Riam)

**N13. Batu Kitang**  
(Kuching/Arang/Kitang)

**N77. Telang Usan**  
(Long Lama/Long San/Miri)

**N53. Bawang Assan**  
(Sibu/Rassau)



**SHAH ALAM** - Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0) dengan kerjasama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) Sarawak menubuhkan pasukan khas, Pemantau Sarawak sepanjang proses Pilihan Raya Negeri Sarawak (PRN) diadakan.

Fungsinya bagi memastikan PRN diadakan secara telus tanpa berlakunya sebarang penipuan dan kesalahan pilihan raya, sebagaimana pernah berlaku membabitkan kes Blackout pada pilihan raya (PRU13) lalu.

"Pemantauan pilihan raya adalah salah satu usaha penting untuk memastikan pilihan raya Sarawak berlangsung dengan bersih dan adil.

"Melalui pemantauan, rakyat menjadi saksi mencegah dan melaporkan penipuan atau kesalahan pilihan raya seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan gangguan terhadap proses pilihan raya," kata BERSIH 2.0 dalam kenyataan pada 5 April lalu.

Pemantauan khusus juga turut memberi penumpuan kepada lima kawasan DUN berisiko tinggi berlakunya penipuan dan salah laku pilihan raya.

Sementara itu, masyarakat berminat menjadi sukarelawan pemantau digalakkan menyertai pasukan itu dalam usaha memastikan PRN dijalankan penuh integriti tanpa berlaku penyelewengan.

"Diseru rakyat Sarawak, khasnya mereka menetap di lima kawasan DUN di atas, supaya menyertai pasukan PEMANTAU Sarawak," katanya kenyataan itu.

**BERMINAT:** Daftar di laman [www.bersih.org/pemantausarawak](http://www.bersih.org/pemantausarawak) atau hubungi BERSIH 2.0 di talian 03-79314444/019-4380428 atau [pemantau@bersih.org](mailto:pemantau@bersih.org)



Berulang kali dinyatakan sebelum ini bahawa negara menolak rasuah dan mana-mana pemimpin yang mengamalkan rasuah

Tian Chua,  
Naib Presiden KEADILAN

Semua rakyat dah panas dalam hati

**Datuk Saifuddin Abdullah,**  
Ketua Sekretariat Pakatan Harapan



Dahulu kerajaan kata GST dibuat kerana banyak tauke mengelak bayar cukai, tetapi tauke boleh tuntut semula berbanding rakyat dan pengguna yang membayar GST, namun tidak boleh tuntut semula



Khalid Samad,  
Ahli Parlimen Shah Alam

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri melangkah setapak lagi ke arah pendemokrasi dan pendidikan dengan memperkenalkan Skim Dermasiswa Universiti Selangor (UNISEL).

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata program asasi secara percuma itu bertujuan membuka peluang kepada pelajar meneruskan pengajian dalam bidang kritikal dan strategik.

"Bidang itu merangkumi Sains dan Teknologi Maklumat di peringkat asasi (secara percuma) dan disyaratkan menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda di UNISEL."

"Kita yakin kejayaan program perintis ini bukan sahaja mem-

## Dermasiswa UNISEL

# Bantu pelajar cemerlang realisasi cita-cita

bantu pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah meralisasikan cita-cita pendidikan mereka, bahkan menyuntik nilai tambah dan prestij UNISEL sebagai salah sebuah universiti awam pilihan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan menjunjung titah DYMM Sultan Selangor di Dewan Negeri Selangor (DNS), 1 April lalu.

Untuk menikmati skim terabit, pelajar tahun asas perlu meneruskan pelajaran peringkat sarjana di UNISEL.

Meskipun negara masih belum mampu memberi pendidikan percuma seperti di Jerman, namun program di UNISEL itu boleh dijadikan kayu ukur untuk menentukan sejauh manakah ia mampu dilaksanakan di Malaysia.



**Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali meluangkan masa menziarahi Mursyidul Am PAS, Datuk Dr Haron Din di Institut jantung Negara (IJN) pada 3 April lalu dan mendoakan kesihatannya kembali pulih**

## Skim Dermasiswa merakyatkan pendidikan untuk semua

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan Skim Dermasiswa di Universiti Selangor (UNISEL) membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri merakyatkan pendidikan untuk semua golongan di Selangor dan Malaysia amnya.

Dekan Pusat Pengajian Asasi dan Umum UNISEL, Dr Hamdan Mohd Salleh, berkata langkah itu juga adalah sebahagian usaha pendemokrasi universiti seperti disebut Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali pada persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS), baru-baru ini.

"Skim ini usaha transformasi dilaksanakan Naib Canselor

UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohamad Redzuan Othman untuk menaikkan UNISEL ke tahap lebih tinggi dan mencapai maksud Smart Selangor iaitu membina masyarakat peduli.

"Kita cuba melahirkan pelajar dalam dua bidang kritikal iaitu Sains dan Teknologi Maklumat yang pada masa ini keperluannya agak meruncing," katanya kepada SelangorKini pada 5 April lalu.

Katanya, berdasarkan kajian UNISEL didapati pelajar dalam bidang itu agak berkurangan.

"Ini ruang untuk pelajar kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran percuma dari

segi yuran pengajiannya kerana pada asasnya cabaran utama pelajar adalah kurangnya bantuan kewangan ditawarkan," katanya.

Selain bidang Sains dan Teknologi Maklumat yang dianggap kritikal, UNISEL juga bercadang menambah jumlah pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Ia terutamanya dalam bidang membabitkan Fakulti Bio Teknologi, Fakulti Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan bagi menampung keperluan di Selangor yang sedang menuju ke arah lebih maju dan berdaya saing.

## UNISEL tanggung yuran RM8,040 seorang

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) memperuntukkan kira-kira RM3.9 juta untuk membiayai 500 pelajar pengajian tahun asas bidang Sains dan Teknologi Maklumat menerusi Skim Dermasiswa.

Dekan Pusat Pengajian Asasi dan Umum UNISEL, Dr Hamdan Mohd Salleh, berkata pelajaran yang layak akan menerima pembentahan yuran pengajian berjumlah RM7,500 hingga RM8,040 setiap pelajar.

"Pada peringkat tahun asas kedua bidang ini, kami menawarkan yuran percuma sepanjang pengajian selama tiga semester dengan syarat pelajar menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UNISEL.

"Bagi Pengajian Asas Sains ini dibelanjakan sekitar RM8,040 bagi setiap pelajar dan bagi pengajian Teknologi Maklumat pula lebih kurang RM7,500," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian di Kampus Utama UNISEL di sini, pada 5 April lalu.

Pada masa sama, katanya, Skim Dermasiswa dibuka kepada semua warga Malaysia de-



**Dr Hamdan**

ngan memberi keutamaan kepada rakyat Selangor.

Katanya, UNISEL memilih bidang Sains dan Teknologi Maklumat ekoran terdapat keperluan meruncing terhadap dua bidang itu dalam pasaran kerja pada masa kini.

"Smart Selangor perlu melihat kerangka lebih besar dan ini dapat membuktikan UNISEL sebagai universiti tersohor."

"Selain Skim Dermasiswa, UNISEL turut menawarkan bantuan kewangan lain seperti Skim Sara Diri," katanya.





Smart Selangor

# Perkhidmatan berpaksi rakyat

**SHAH ALAM** - Perkhidmatan berpaksi rakyat menjadi tunjang utama Gagasan Smart Selangor ke arah 'Citizen Centric State' yang didorong falsafah tadbir urus bersaskan 'intelligent technologies'.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata fokus utama adalah memperkasa kualiti kehidupan rakyat dengan menggunakan teknologi bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Katanya, antara elemen diberi penekanan adalah sistem pengangkutan, trafik, keselamatan, pemberantasan jenayah dan pengurusan sisa pepejal, sumber air dan tenaga.

"Antara penyelesaian segera menjadi aplikasi program Smart Selangor adalah ia dapat berinteraksi secara langsung dengan rakyat, penggunaan pemantauan

ia juga memupuk semangat perkongsian antara rakyat dan kerajaan berkenaan keutamaan semua isu bandar dan desa dalam menangani cabaran demografi khususnya sosio ekonomi

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

aduan yang berkesan, keperluan dan kawasan memerlukan tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya dalam Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 31 Mac lalu.

Pada masa sama, Mohamed

Azmin berkata, Smart Selangor akan membantu pencarian sumber lebih berkesan dalam membuat ketepatan unjuran ranangan belanjawan.

Katanya, ia juga memupuk semangat perkongsian antara rakyat dan kerajaan berkenaan keutamaan semua isu bandar dan desa dalam menangani cabaran demografi khususnya sosio ekonomi.

"Kerajaan Negeri bukan sahaja menjawab keperluan dan permasalahan rakyat tetapi juga memberi tindak balas interaktif tepat, berkesan dan proaktif melalui penyelesaian pintar bersepada."

"Fokus Kerajaan Negeri adalah rakyat. Masalah kehidupan sehari-hari mereka merangkumi kualiti kehidupan, pertumbuhan ekonomi, negeri berdaya saing atau kelestarian alam sekitar serta pengurusan kewangan," katanya.

## Langkah awal wujud 'smart solution'

**SHAH ALAM** - Penganjuran pameran Smart Selangor membuktikan komitmen tinggi Kerajaan Negeri mengangkat Gagasan Smart Selangor untuk jangka masa panjang.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pameran julung kali itu membabitkan beberapa pihak memperkenalkan pelbagai produk dan aplikasi berteraskan teknologi 'internet of things'.

"Kita sudah mulakan inisiatif dengan mengenal pasti beberapa

pa keutamaan wujudkan 'smart solution' untuk isu kesesakan, pengutipan sampah dan jenayah.

"Tetapi sebelum itu, kita perlu mendapatkan maklum balas rakyat berkenaan keperluan dan keutamaan mereka dan mencari solusi untuk menyelesaiannya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan sekitar pameran berkenaan di Bangunan SUK, 30 Mac lalu.

Antara yang terbabit dalam pameran kali ini termasuk Redtone International Berhad, ZTE

(Malaysia) Corporation Sdn Bhd, Spatial Works Sdn Bhd, Frost & Sullivan Perunding Strategi Sdn Bhd, Celcom Axiata Berhad, Millennium Radius Sdn Bhd dan Selangor Information Technology & E-Commerce Council(SITEC), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI).

Katanya, sesuatu isu berpotensi besar diselesaikan secara lebih cekap dan cepat menerusi penggunaan aplikasi alat telekomunikasi pintar.

## Beberapa kawasan dipilih laksana projek perintis

**SHAH ALAM** - Beberapa kawasan atau daerah akan dipilih Kerajaan Negeri sebagai projek perintis bagi menjayakan Gagasan Smart Selangor.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mengenal pasti pembangunan berorientasikan transit (TOD) yang belum dibangunkan supaya *Smart Solution* dapat dimasukkan dalam agenda kawasan secara bersama.

"Smart Selangor adalah pelan jangka panjang dan bukan usaha yang boleh diselesaikan dalam tempoh satu hingga dua tahun.

"Persoalan di mana hendak dimulakan, kita sudah bincangkan dalam *retreat* Exco baru-baru ini dan untuk permulaan kita mahu PBT mengenal pasti TOD.

"Dari situ kita boleh mengenal pasti dan memilih beberapa kawasan atau daerah sebagai *pilot project* dan menilai berapa peruntukan diperlukan untuk merencana projek bagi tempoh panjang," katanya.

Bagi menjayakan hasrat itu, Mohamed Azmin menggesa Ahli

Dari situ kita boleh mengenal pasti dan memilih beberapa kawasan atau daerah sebagai pilot project dan menilai berapa peruntukan diperlukan untuk merencana projek bagi tempoh panjang

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

Dewan Negeri (ADN) membantu PBT mengenal pasti keutamaan kawasan masing-masing untuk diberi tumpuan pelaksanaan dan penyelesaian.

"Ia perlu menekankan beberapa keutamaan, antaranya pengurusan sisa pepejal, trafik, kesihatan dan pemuliharaan sungai.

"Dari keutamaan itu kita akan mencari aplikasi terbaik bagi mencapai gagasan dan menyelesaikan masalah kawasan masing-masing," katanya.



## Teknologi diyakini selamat

**SHAH ALAM** - Aplikasi dibangunkan untuk menjayakan Smart Selangor diyakini selamat dan terjamin dengan mengambil kira isu keselamatan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali percaya kejayaan pembangunan teknologi itu mampu memudahkan Kerajaan Negeri menggubal dasar dan polisi peringkat negeri maupun pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Aplikasi Smart Selangor yang sedang dibina memberikan fokus kepada isu domestik dan tempatan. Sedia maklum, tujuan aplikasi ini dibina bagi memastikan pengurusan bandar dan negeri lebih efektif dan berkesan de-

ngan penggunaan teknologi.

"Saya percaya ia selamat dan terjamin bagi membantu PBT meningkatkan sistem penyampaian kepada rakyat," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, aplikasi dibangunkan itu akan menjadi pengukur pencapaian PBT seterusnya dipantau secara berkala oleh Kerajaan Negeri.

"Kita juga dapat melihat aduan dikemukakan rakyat dapat ditangani dan diselesaikan dalam tempoh cepat dan pantas.

"Kita juga mahu melihat trend aduan PBT dalam isu sistem pengurusan sisa pepejal, enggi, kesihatan dan masalah jenayah," katanya.



Aplikasi selesai aduan dalam tempoh 4 jam

# City Act pacu pertumbuhan Smart State



**SHAH ALAM** - Masyarakat Selangor kini berpeluang menggunakan aplikasi khas untuk mengajukan sebarang aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap sebarang masalah yang berlaku di kawasan persekitaran mereka.

Syarikat aplikasi mudah alih, REDtone memperkenalkan aplikasi mudah City Act, mendukung hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai Smart State dengan pelbagai kemudahan responsif dan efisien.

Pengurus Akaun Red Tone, Rahaya Mohamad Hatar, berkata aplikasi itu membolehkan masyarakat mengajukan aduan berkenaan masalah setempat dengan menggunakan mana-mana peranti mudah alih berkelengkapan kamera.

"Anda hanya perlu mengambil gambar berkenaan sesuatu masalah terjadi di kawasan anda seperti isi sampah tidak dikutip atau masalah kerosakan jalan.

"Sertakan bersama 'caption' ringkas pada gambar, dan hantarkan untuk perhatian pihak PBT.

"Aduan diterima PBT melalui

aplikasi web CitiAct Case Management System (CMS) untuk tindakan lanjut," katanya kepada SelangorKini.

Lebih menarik katanya, aduan dipanjangkan diselesaikan dalam tempoh kurang empat jam dan pengadu juga akan menerima laporan kepada penyelesaian masalah diajukan.

"Fungsi dan peranannya sangat membantu masyarakat Selangor seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri melahirkan sebuah negeri Smart State dengan penuh kreatif dan selamat," katanya.

Aplikasi yang dilancarkan sejak Ogos tahun lalu itu juga diharap mampu melestarikan masyarakat Selangor ke arah kehidupan yang lebih baik pada masa depan.

Bagaimanapun, penggunaannya tidak terhad kepada urusan membabitkan seliaan atau bidang tanggungjawab pihak PBT.

Itu meliputi kategori berkenaan bencana alam, kes kemalangan, kecemasan, perkhidmatan awam yang termaktub di bawah selia pihak berkuasa seperti polis, bomba, ambulans

dan lain-lain.

Seiring dengan kemajuan teknologi dan penggunaan telefon pintar kini, mudahnya aplikasi ini boleh dimuat turun menerusi Playstore, Appstore dan Google Play.

Sebaik sahaja aplikasi ini dimuat turun pada telefon pintar masing-masing, pengguna perlu membuat pendaftaran akaun sebelum dapat menikmati askes kemudahan aplikasi itu sepenuhnya.

"Ia lebih mudah, tanpa perlu beratur di kaunter PBT, masalah boleh diselesaikan hanya menggunakan telefon pintar anda sahaja," kata Rahaya Mohamad.

Sepanjang pelaksanaannya, perkhidmatannya dilihat sangat efisien menyumbang kepada kualiti perkhidmatan PBT dalam usaha mewujudkan bandar pintar.

Diharap aplikasi itu mampu menjadi penggerak sosial kepada PBT dan masyarakat Selangor supaya lebih peka merealisasikan Smart Selangor sebagai negeri maju dan selamat dengan kemudahan holistik yang mesra pengguna.

## Majlis Aero Angkasa Selangor ditubuh dalam masa terdekat

**SHAH ALAM** - Majlis Aero Angkasa Selangor akan ditubuhkan dalam tempoh terdekat bagi memudahkan penggubalan rancangan memacu pembangunan industri aero angkasa di negeri itu.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS, Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata Invest Selangor kini giat menyediakan kertas kerja yang dipengerusikan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Kertas kerja itu nanti akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk diluluskan.

"Industri ini adalah sektor penting dan perlu diberikan penekanan khusus. Melalui majlis itu nanti, kita akan mengumpulkan pakar dari agensi Kerajaan Persekutuan dan swasta yang berkenaan.

"Pakar ini akan menggubal dasar dan rancangan bagi me-

macukan lagi pembangunan industri terbabit di negeri ini," katanya kepada SelangorKini.

Chang Khim turut berharap kertas kerja terbabit dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

Pada masa sama, beliau berkata Kerajaan Negeri juga bersetuju menggubal dasar yang membolehkan latihan vokasional dilaksanakan.

"Program vokasional ini akan diusahakan sendiri melalui usaha Kerajaan Negeri bertujuan melengkapkan tenaga kerja atau pelatih dalam industri angkasa dan bioteknologi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Chang Khim berkata, Kerajaan Negeri kini sedang menunggu lampu hijau dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk meluluskan rancangan 'Halal International Sela-ngor'.

## Air percuma diteruskan

**SHAH ALAM** - Pemberian air percuma 20 meter padu kepada rakyat Selangor akan dijunjung dan diteruskan tahun ini, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, sejak dilaksanakan 1 Jun 2008 hingga 31 Disember 2015, sebanyak RM1.1 bilion dibiayai Kerajaan Negeri dalam merealisasikan program berbantuan rendah sahaja akan dinilai selepas penstrukturkan industri air.

Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 1 April lalu.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, cadangan meneruskan pemberian air percuma kepada kumpulan sasaran berpendapatan rendah sahaja akan dinilai selepas penstrukturkan industri air.

"Ini antara cadangan yang banyak kita terima beberapa tempoh lalu.

"Amat wajar cadangan itu dibерikan perhatian serius supaya kos yang tinggi ini dapat memenuhi kumpulan sasaran iaitu mereka berpendapatan rendah," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga tidak pernah menerima aduan penyalahgunaan air percuma sejak ia dilaksanakan.

## SELANGOR NK SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB

**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus

**PENGARANG :** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**

Hafizan Taib: hafizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

**PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:**

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

**JURUGAMBAR:** Asri Sapie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Dewan Negeri Selangor jadi tumpuan

# 12 reformasi sejak 2013

**SHAH ALAM** - 12 langkah reformasi termasuk tiga dilaksanakan melalui pindaan Peraturan Tetap oleh Dewan Negeri Selangor (DNS) sejak 2013 menjadikan dewan legislatif negeri itu kerap menjadi tumpuan dan lawatan banyak pihak dalam dan luar negara.

Speaker DNS, Hannah Yeoh, berkata pindaan dilakukan itu menjadikan DNS dilihat berbeza dan berada di hadapan berbanding dewan negeri lain.

"Sejak 2013 hingga hari ini DNS dilawati kira-kira 2,028 pelawat delegasi antarabangsa termasuk dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Kenya, Cambodia dan Korea.

"DNS turut menerima pelawat daripada Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Kelantan selain turut menerima banyak lawatan rakyat tempatan dan pelajar sekolah.

"Kedua-dua ini menunjukkan DNS

lebih akses kepada orang ramai. Pihak berminat melawat DNS boleh menghubungi kami melalui emel supaya pihak DNS boleh uruskan," katanya.

12 langkah reformasi dijalankan terhadap DNS sejak 2013 adalah Ketua Pembangkang secara mandatori dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira (PAC) bagi memastikan semak dan imbang dalam pentadbiran DNS.

DNS turut mewajibkan badan

eksekutif membentangkan maklum balas kepada penyata Jawatankuasa Pilihan yang diluluskan bagi memastikan penambahbaikan kualiti hidup rakyat terjamin seperti termaktub dalam Peraturan Tetap 76 (7).

DNS turut mengadakan siaran langsung yang disiarkan TV Selangor bagi memastikan rakyat dapat menyaksikan bagaimana wakil rakyat memainkan peranan masing-masing di DNS.

Selain itu, mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan pada Ogos 2013 turut meluluskan usul memberi imbauan kepada Ketua Pembangkang seperti elauan khas, kereta rasmi dan tuntutan petrol, pejabat berserta seorang setiausaha.

Antara paling menarik perhatian termasuk langkah mengadakan program Adun Muda Selangor yang sehingga kini sudah membabitkan seramai 287 peserta.

## DNS lulus pindaan Enakmen Lambang dan Nama

**SHAH ALAM** - Dewan Negeri Selangor (DNS) meluluskan pindaan Enakmen Lambang-Lambang dan Nama-Nama (Mencegah Daripada Salah Guna) 1962 bagi menangani pemakaian darjah kebesaran tanpa pengiktirafan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pindaan dibuat bagi membendung dan mengenakan hukuman berat kepada mereka mengadakan upacara pemakaian darjah kebesaran dan pingat tidak diiktiraf khususnya di Selangor.

Katanya, enakmen terdahulu menetapkan denda dan hukuman terlalu rendah.

"Berasaskan kepada maklumat yang boleh dipercayai, kebanyakan bintang dan darjah diperolehi secara tidak sah adalah mempunyai nilai amat tinggi sehingga bo-

leh mencecah ratusan ribu ringgit.

"Sehubungan itu, denda minimum RM100,000 ke RM250,000 adalah dianggap sebagai patut dan seharusnya dianggap jumlah denda yang boleh mencegah daripada kesalahan penggunaan bintang dan darjah kebesaran tidak diiktiraf," katanya.

Pada 28 Mac lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memperkenankan Kerajaan Negeri membuat pindaan ekoran terdapat kegiatan membeli dan menjual darjah kebesaran tanpa pengiktirafan.

Mohamed Azmin berkata, jika hukuman denda dikenakan gagal dibayar, maka hukuman tiga tahun penjara wajar dikenakan sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593).

## Perniagaan Air Selangor diperhalusi, jamin bekalan berterusan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri memperhalusi pelan perniagaan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd bagi memastikan unjuran kewangan mencukupi untuk menampung perbelanjaan Capex dan Opex.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia bagi menjamin perkhidmatan air terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisiensi dan kos efektif selain dapat meneruskan program pemberian air percuma.

"Air Selangor adalah pemegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara dan tertakluk pada syarat mengemukakan pelan perniagaan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), antaranya membesarkan, menyelenggara, membaiki, meningkatkan, membaik pulih dan membina sistem bekalan air awam baru.

"Kedua, perbelanjaan modal dan pengendalian dilakukan bagi mengusahakan aktiviti dalam perkara pertama tadi. Air Selangor mempunyai kewajipan memastikan aktiviti dijalankan tidak menyimpang pelan perniagaan diluluskan SPAN," kata dia dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 1 April lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Air Selangor turut memiliki obli-

**la bagi menjamin perkhidmatan air terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisiensi dan kos efektif selain dapat meneruskan program pemberian air percuma**

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

gasi untuk mengemukakan pelan perniagaan kepada SPAN dalam tempoh satu bulan dari tarikh lesen diberikan.

"Pelan itu perlu mematuhi syarat terdahulu dalam perjanjian utama berdasarkan prinsip perkhidmatan bekalan air disediakan secara holistik dan harga tawaran mengambil alih ekuiti di dalam syarikat konsesi dengan nilai awal sebanyak RM 2 bilion," katanya.



## Bukan gajah putih, LRA tampung permintaan pengguna

**SHAH ALAM** - Projek Loji Rawatan Air (LRA) Labuhan Dagang dan Semenyih 2 bukan projek gajah putih, sebaliknya pelaburan strategik bagi menampung permintaan pengguna di Selangor.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata walaupun projek Langat 2 siap sepenuhnya pada 2019, namun pengagihan bekalan air hanya terhad di kawasan Cheras, AU2, Ampang dan Bukit Jalil.

"Kerajaan Negeri menegaskan kedua projek terbabit tidak akan menjadi projek gajah putih atau projek pembaziran kerana ia akan digunakan menampung permintaan pengguna."

"Ia diputuskan pembinaannya kerana Kerajaan Negeri memandang serius projek Langat 2 yang hanya siap pertengahan 2019 dan kos RM800 juta membabitkan pembinaan loji rawatan, pengambilalihan tanah dan pemasangan paip serta pembinaan kolam utama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi penggulungan titah DYMM Sultan Se-

langor di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 1 April lalu.

Pada masa sama, Zaidy berkata, kedua projek akan dilaksanakan pada 1 Jun ini dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan bagi LRA Semenyih 2, manakala Labuhan Dagang dijangka siap pada 30 Jun 2018.

"Setelah siap, kedua projek ini mampu membekalkan bekalan air sebanyak 300 Juta Liter Sehari (JLH) iaitu sebanyak 200 JLH (Labuhan Dagang) dan 100 JLH (Semenyih 2)," katanya.

Beliau berkata, jika projek itu tidak dilaksanakan, bekalan air dijangka mengalami kekurangan sebanyak 125 JLH pada 2018.

Sebaliknya, melalui projek itu, katanya, rizab bekalan air akan mencapai tahap 15 peratus berbanding dua peratus tahun ini.

"Rizab pengeluaran air tanpa sumber air baru dengan andaian air tidak berhasil (NRW) adalah sebanyak 3.5 peratus (2015), 2.2 peratus (2016), 3.9 peratus (2017), 0.7 peratus (2018) dan -3.01 peratus (2019)," katanya.



**Perangi habis-habisan**

# Langkah segera tangani denggi

**SHAH ALAM** - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggung-jawaban dan Ketelusan (SELCAT) bagi Dewan Negeri Selangor (DNS) berkenaan wabak denggi di Selangor diluluskan selepas dibahas panjang lebar.

Speaker DNS, Hannah Yeoh, Kerajaan Negeri bakal mengambil langkah segera bagi melaksanakan saranan dibuat SELCAT sebelum dibentangkan laporan tindakan pada persidangan DNS akan datang.

"Mengikut peraturan tetap, kerajaan membentangkan laporan kepada dewan berkenaan tindak-

an diambil terhadap semua saranan kami bentangkan dalam penyata pada sesi DNS akan datang.

"Penyata ini kita letak dalam website kita untuk dipamerkan kepada umum. Ini bukan dokumen rahsia. Kita harap pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan Selangor, persatuan penduduk boleh membaca laporan ini dan juga difahamkan pihak Kerajaan Negeri memandang serius akan saranan dibentangkan," katanya pada hari terakhir sidang DNS.

Katanya, SELCAT turut berharap supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat menolak perbezaan idealogi politik untuk

bekerjasama dengan lebih rapat bagi melaksanakan saranan terdapat dalam penyata SELCAT bagi kepentingan rakyat di negeri itu.

Terdahulu, pada 23 Februari lalu, SELCAT mengadakan pendekaran terbuka bagi menyiasat punca penyebaran penyakit denggi, kecakapan pengurusan, pelaksanaan aktiviti pembenterasan dan perbelanjaan dana dalam usaha menangani wabak denggi.

SELCAT kemudiannya merangka cadangan dalam penyata dibentangkan pada persidangan DNS sebelum Kerajaan Negeri mengambil tindakan selanjutnya mengikut saranan dibuat.

## RM7.6 juta banteras wabak denggi

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM7.6 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan wabak denggi tahun ini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Keluarga dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi, berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri, manakala PBT memperuntukkan RM6.1 juta.

"Peruntukan itu juga membabitkan pembelian racun, peralatan, pelaksanaan aktiviti kesedaran awam serta aktiviti gotong-royong bersama penduduk setempat," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 1 April lalu.



### RM7.6 JUTA BANTERAS DENGGI

PBT	PERUNTUKAN
• Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	RM1.85 juta
• Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	RM1.75 juta
• Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	RM1.62 juta
• Majlis Perbandaran Klang (MPK)	RM35,000
• Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	RM79,600
• Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	RM207,176
• Majlis Perbandaran Kajang(MPKj)	RM182, 060
• Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)	RM50,000
• Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	RM105,884
• Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	RM120,000
• Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	RM130,000
• Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	RM20,000

## RM10,000 setiap DUN

**SHAHALAM** - Sejumlah RM10,000 bakal diperuntukkan kepada setiap Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor bagi melaksanakan program memerangi wabak denggi di kawasan masing-masing.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata antara aktiviti dijalankan termasuklah program kesedaran dan

gotong-royong bagi membasmi wabak terbabit.

"Selain memberi peruntukan kepada ADN, Kerajaan Negeri turut memainkan peranan penting bagi memastikan wabak denggi di Selangor terkawal," katanya.

Sehingga Februari lalu, sejumlah 7,355 kes termasuk 12 kematian akibat denggi dilaporkan berlaku di Selangor.

## Rujuk WHO, kaji masalah

**SHAH ALAM** - Konsultan dan rundungan pihak berkepentingan mempunyai kepakaran menangani wabak denggi diperlukan bagi mengatasi masalah itu di Selangor, kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Ijok, Dr Idris Ahmad.

Beliau berkata ketetapan itu diperlukan supaya isu terbabit diselesaikan secara efektif daripada individu mempunyai kepakaran dalam masalah denggi.

"Kita kena panggil pakar dari WHO atau pihak antarabangsa untuk mengkaji masalah denggi ekoran inisiatif diambil selama beberapa tahun ini masih belum dapat selesaikan kes ini," katanya pada sesi perbahasan isu denggi

di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 4 April lalu.

Beliau berkata, isu denggi perlu menjadi keutamaan semua pihak dalam mencari penyelesaian terbaik mengatasinya.

Mengenepikan sentimen politik, isu terbabit juga katanya perlu diselesaikan secara menyeluruh demi manfaat jangka panjang.

"Adakah kita mengatasi masalah kekotoran sampah semua? Bagaimana pula dengan masalah pengaliran dan perparitan.

"Dua aspek ini perlu diberi keutamaan supaya masyarakat mendapat kesedaran bersama-sama Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini," katanya.

## Wujudkan jawatankuasa khas

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa Unit Khas Denggi perlu diwujudkan bagi menangani peningkatan kes denggi di seluruh Selangor, kata Ahli Dewan Negeri (ADN), Taman Medan Haniza Talha.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh menggunakan pendekaran diambil Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerusi penubuhan jawatankuasa khusus untuk mencegah penularan wabak denggi.

"MBPJ berjaya mengurangkan kes denggi sebanyak 9 peratus disebabkan penumpuan khu-

sus diberikan unit khas memantau kawasan seperti sekolah dan pusat komersial.

"Pendekaran ini memerlukan kaktangan tambahan menangani kawasan tinggi kes denggi itu," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, 4 April lalu.

Cadangan itu disambut baik ADN Sekinchan, Ng Suee Lim yang menyarankan PBT lebih tegas mengenakan kompaun kepada syarikat dan individu terbabit dalam kegiatan boleh mengundang denggi.





Kekang penyalahgunaan tanah negeri

# Selangor letak syarat ketat

**SHAH ALAM** - Bagi mengekang penyalahgunaan milikan tanah Kerajaan Negeri, Syarat Nyata Tanah dan Sekatan Kepentingan disyaratkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata langkah itu bagi memastikan tanah diberi milikan tidak disalahguna daripada tujuan asal.

"Tanah diberikan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk tujuan kepentingan awam seperti tapak sekolah, hospital dan balai polis disalah guna Kerajaan Persekutuan untuk tujuan lain.

"Sejak menggalas amanah pada 2014, saya kenakan Syarat Nyata Tanah dan Sekatan Kepentingan ke atas tanah yang diluluskan pemberi milikan



kepada Kerajaan Persekutuan supaya tiada penyelewengan," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 1 April lalu.

Mohamed Azmin berkata, berdasarkan dua syarat itu, sebarang pindah milik tidak lagi

boleh dilakukan dengan mudah seperti mana sebelum ini.

"Jika ada cadangan untuk memindah milik, PTP mesti dapat kelulusan pihak berkuasa negeri terlebih dahulu," katanya.



## Penanaman semula, jaminan bekalan kelapa 'matag' mencukupi

**SHAH ALAM** - Penanaman semula kelapa secara berperingkat kini sedang dipergiatkan Jabatan Pertanian Selangor bagi memastikan bekalan kelapa mencukupi.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata sekitar 20,000 pokok kelapa jenis 'matag' diperlukan setahun untuk memenuhi produktiviti keperluannya di pasaran.

Namun daripada jumlah itu, Jabatan Pertanian hanya mampu

membekal 5,000 benih.

"Kita boleh melaksanakan projek penanaman semula kelapa dengan jenis 'matag' sekitar 13 hektar setahun."

"Setakat ini, Jabatan Pertanian hanya boleh membekal sebanyak 5,000 benih sahaja dan penanaman semula kelapa terus dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

Pada masa sama, Zaidy berkata, golongan petani digalakkan terlibat secara langsung dengan menanam pelbagai jenis kelapa

lain seperti kelapa pandan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga mejalinkan kerjasama bersama Kerajaan Persekutuan dan syarikat swasta khususnya United Plantation Berhad untuk meningkatkan hasil pengeluaran kelapa negeri.

Inisiatif itu berpandukan Jabatan Pertanian Malaysia yang menyarankan penggunaan teknologi tanaman kelapa 'matag' diperluas ke arah produktiviti kelapa di seluruh Selangor.

## Persekutuan salah guna tanah kaut untung

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan didapati menyalahguna tanah asal diberi milikan oleh Selangor untuk kepentingan awam seperti pembinaan sekolah, hospital dan ibu pejabat polis.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata beberapa bidang tanah diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dipindah milik kepada syarikat tertentu.

"Sebagai contoh, tanah di Bukit Raja, Daerah Petaling yang dibuat pengambilan bagi tujuan tapak Kem Markas 9 Briged Program Semboyan diserahkan kepada PTP, tetapi Kerajaan Persekutuan menjual kepada Syarikat Jendela Khidmat pada 2 Ogos 2013.

"Satu lagi contoh, tanah di Seksyen 7 Shah Alam, kita beri PTP untuk tujuan Ibu Pejabat Polis dan perumahan bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan premium rendah iaitu RM5 juta, tetapi pada 5 November 2015, Kerajaan Persekutuan

**Sebagai contoh, tanah di Bukit Raja, Daerah Petaling yang dibuat pengambilan bagi tujuan tapak Kem Markas 9 Briged Program Semboyan diserahkan kepada PTP, tetapi Kerajaan Persekutuan menjual kepada Syarikat Jendela Khidmat pada 2 Ogos 2013**

**MOHAMED AZMIN**  
Menteri Besar

an pindah milik tanah kepada sebuah syarikat dengan harga RM47 juta," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), 1 April lalu.

## Fokus perkasa petani muda

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri merangka pelbagai program dan seminar berasaskan pertanian bagi menarik minat golongan muda di Selangor menceburti bidang berkenaan.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata salah satu program terbabit sudah bermula tahun lalu iaitu Seminar Agro Generasi Muda Selangor (AgroGems) yang mendapat sambutan megalakkan.

"Seminar diadakan itu berjaya menarik penyertaan ramai dengan dihadiri lebih kurang 200 peserta anak muda.

"Seramai 35 peserta membuat pemohonan dan 13 daripadanya dipilih menerima insentif mengembangkan projek seperti sayur-sayuran dan buah-buahan membabitkan bantuan RM170,000," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 30 Mac lalu.

Bagi fasa kedua, Zaidy berkata program diteruskan dengan fokus menjadikan anak muda berpengetahuan dan berminat tetapi tidak mempunyai tanah untuk dibantu dengan memulakan projek di atas tanah milik Kerajaan Negeri di bawah program ladang Smart Selangor.



Laksana perubahan

# Selaras maqasid syariah - Anwar

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu reformis melaksanakan perubahan secara keseluruhan menurut maqasid syariah.

Beliau turut menyampaikan salam kepada semua pejuang reformasi sempena ulang tahun ke-17 Parti Keadilan Nasional yang ditubuhkan pada 4 April 1999.

Anwar juga mahu perjuangan reformasi dan gabungan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) itu terus subur dan relevan sehingga Umno dan Barisan Nasional (BN) ditumbangkan.

"Pesan Anwar, perubahan bukan semudah menurunkan pemimpin, Ketua Negara, Perdana Menteri atau diktator tetapi perubahan adalah keseluruhan reform."

"Ia membabitkan keadilan



Anwar sempat memberikan senyuman ketika diiringi keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 April lalu

dan aturan menurut maqasid syariah iaitu keutamaan sistem keadilan," katanya yang disampaikan melalui isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam satu paparan di Facebook pada 5 April lalu.

Terdadulu, Anwar ditemui di mahkamah bagi sambungan pendengaran semakan kehakimannya, Wan Azizah, Nurul Izzah Anwar dan Nurul Nuha Anwar. Kes terbabit ditunda pada 12 April depan.

## Langkah progresif

# Lonjak hasil galian kepada RM48.4juta

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Langkah menaikkan premium, royalti dan jumlah pengeluaran hasil batuan dan granite berjaya meningkatkan pendapatan Selangor berasaskan galian sebanyak RM48.4 juta pada 2015 berbanding RM25.8

**Melakukan rasionalisasi aset milik anak syarikat Kerajaan Negeri seperti matlamat penubuhan DEIG, melakukan penyusunan semula operasi dan pelaburan dengan tujuan mengelakkan pertindihan aktiviti perniagaan dan mengurangkan pembaziran dan memaksimakan kecekapan**

juta pada 2014.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata selain langkah membabitkan sumber galian, Kerajaan Negeri turut menjalankan tujuh langkah lain bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri.

"Menguatkuasakan duti hiburan ke atas taman tema di Selangor selepas pengecualian berkenaan dimansuhkan Kementerian Kewangan bermula Februari 2014.

"Mendapatkan bayaran premium belum diterima daripada Kerajaan Persekutuan ke atas tanah dibangunkan syarikat konsesi lebuh raya sebagai tapak komersial seperti stesen minyak, restoran, hotel, kedai dan gerai yang sebelum ini kita terlepas pandang.

"Melaksanakan projek 'urban regeneration development' memangkin pembangunan semula bandar dari segi landskap, reka bentuk infrastruktur dan ekonomi komuniti setempat," katanya dalam Dewan Negeri Selangor (DNS), 4 April lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri tu-

rut mencadangkan mengenakan caj perkhidmatan ke atas Kerajaan Persekutuan sebanyak 10 peratus daripada kutipan duti setem bagi urusniaga pindah milik hartanah kepada Kerajaan Negeri.

Selain mengenakan caj perkhidmatan, Kerajaan Negeri turut mencadangkan mengenakan caj khusus penginapan hotel seperti dilaksanakan di Melaka yang dikenali sebagai caj fi wariisan dan fi pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pulau Pinang.

"Melakukan rasionalisasi aset milik anak syarikat Kerajaan Negeri seperti matlamat penubuhan DEIG, melakukan penyusunan semula operasi dan pelaburan dengan tujuan mengelakkan pertindihan aktiviti perniagaan dan mengurangkan pembaziran dan memaksimakan kecekapan.

"Akhirnya kita menumpukan kepada perniagaan teras bagi setiap anak syarikat supaya mewujudkan pertumbuhan organik perniagaan dan tidak bergantung kepada penjualan asset semata-mata," katanya.



## Hasil pasir RM103 juta sepanjang tujuh tahun

**SHAH ALAM** - Selangor menerima sejumlah RM103 juta pendapatan hasil industri pasir bagi tempoh 2008 hingga 2015.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kutipan royalti pada 2008 hanya RM7.1 juta setahun, namun meningkat kepada RM24 juta pada 2015.

"Kita juga mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Perak

bagi memastikan pengeluaran pasir di negeri ini lebih terkawal dan tidak berlaku pemindahan batuan dari negeri lain secara menyeludup atau aktiviti tak dibenarkan.

"Setakat ini, pengeluaran pasir Selangor memenuhi permintaan industri yang rancak di sekeliling," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 4 April lalu.

Mohamed Azmin berkata, terdapat lima syarikat berlesen dan aktif mengeluarkan pasir sementara perlombongan pasir pula dilaksanakan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) sahaja.

"Untuk memberikan kelonggaran, pemilik tanah berkeluasan 20 ekar juga dibenarkan memohon terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) untuk melombong pasir, apabila dahulu, mereka perlu membuat permohonan kepada KSSB."

"Namun, sehingga kini hanya ada dua permohonan dengan satunya ditolak kerana tidak memenuhi syarat.

"Manakala, satu lagi bersetuju menyerahkan usaha perlombongan kepada KSSB," katanya.

## Rizab tunai PBT RM1.4 bilion

**SHAH ALAM** - Rizab tunai di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) meningkat melebihi 100 peratus dari 2009 hingga 2014, daripada RM(-46.32) juta kepada RM1.4 bilion.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata prestasi rizab PBT dalam tempoh lima tahun terkini menunjukkan peningkatan.

Katanya, ia hasil langkah proaktif setiap PBT memastikan rizab terus meningkat seperti mening-

katkan kutipan cukai taksiran, kemen bayaran cukai, pemantauan dan penguatkuasaan meningkatkan cukai.

"Bagi data rizab PBT pada 2015 masih lagi di dalam semakan Jabatan Audit Negara (JAN).

"Sementara itu, kesan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terhadap kedudukan rizab dapat dilihat setelah Penyata Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2015 diaudit dan disahkan JAN," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 4 April lalu.



Ean Yong Hian Wah

**Untuk memberikan kelonggaran, pemilik tanah berkeluasan 20 ekar juga dibenarkan memohon terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) untuk melombong pasir, apabila dahulu, mereka perlu membuat permohonan kepada KSSB**

## ABASS terima Anugerah MyCarbon Award 2015

**SHAH ALAM** - Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) menerima Anugerah MyCarbon Award 2015 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) baru-baru ini.

Pengarah ABASS, Ir. Abas Abdullah, berkata anugerah itu secara tidak langsung mengiktiraf kekuatan syarikat dalam menyediakan inventori gas rumah hijau dan pencapaian laporan mengikut piawai antarabangsa.

Katanya, ia juga membuktikan komitmen syarikat dan peranan dimainkan dalam menguruskam gas rumah hijau dengan lebih berkesan, malah mampu menjadi contoh kepada syarikat lain.

"Kita menguruskan penggunaan tenaga dalam operasi, menjalankan kerja menaik taraf peralatan kepada peralatan mempunyai kadar penggunaan

elektrik lebih efisien dan program galakan budaya kerja hijau di semua peringkat pengurusan," katanya.

My Carbon Award 2015 adalah anugerah terulung dalam merangsang dan menyokong pembangunan lestari berlandaskan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan

perlindungan alam sekitar.

Ir. Abas berkata, ABASS juga mengadakan kerjasama erat bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta menujuhan Pasukan Penjagaan Pencemaran Sungai.

Ia bagi memastikan pengairan air ke Sungai Semenyih sentiasa dipantau supaya tiada pencemaran berlaku dan kualiti air sentiasa terjaga serta bebas dari sebarang bahan kimia.

"Kejayaan mengekalkan Indeks Kualiti Air Mentah pada tahap dua memastikan peng-



gunaan bahan kimia optimum dan pengeluaran enap cemar terkawal sekali gus meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau," katanya.

Selain anugerah ini, ABASS juga menerima pengiktirafan seperti Anugerah Prime Minister Hibiscus Award, MSOSH, Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Kebangsaan, MSC Malaysia HR Achievement dan The Malaysian Book of Records.

**"Sudahlah tidak dapat tanah, kini dihalau pula"**

# 57 bekas pekerja ladang lapor polis

OLEH NAZLI IBRAHIM

**KUALA SELANGOR** - Bekas pekerja Ladang Sungai Tinggi, Ladang Minyak, Ladang Mary, Ladang Nigel Gardner dan Ladang Bukit Tagar yang rata-ratanya sudah lanjut usia tertekan apabila dipaksa berpindah keluar dari rumah didiami sejak berpuluhan tahun.

Lebih menyedihkan apabila pemilik ladang terbabit, Tagar Properties Sdn Bhd tidak mengendahkan janji pemilik terdahulu (Kumpulan Berjaya) untuk memberi tanah 4,000 kaki persegi sebagai tapak kediaman kepada pekerja yang berkhidmat lebih 10 tahun.

Asnah Kantan, 69, berkata beliau mula mendiami ladang terbabit sebelum merdeka semasa Allahyarham bapanya masih berkerja di Ladang Sungai Tinggi dan kemudiannya berpindah ke Ladang Bukit Tagar.

"Hati saya risau, tiada tempat hendak duduk. Kalau mereka tawarkan pampasan RM5,000 sekali-pun, berapa lama tahan nak sewa rumah dengan wang sebanyak itu. Apa yang penting sekarang adalah rumah yang boleh diduduki," katanya kepada SelangorKini.

Setiausaha Jawatankuasa Penduduk, Sundram Ramasamy pula berkata, kebanyakan penduduk diusir adalah warga emas tidak berupaya bekerja.

"Tagar Properties mensyaratkan sesiapa tinggal di tanah ini perlu berkerja dengan mereka sedangkan kebanyakan pen-



duduk adalah warga tua yang sudah tidak mampu berkerja lagi.

"Mereka patut fikir, bagaimana ada yang berumur lebih 50 dan 60 hendak kerja potong buah lagi macam dulu?," katanya.

Penderitaan itu bukan sahaja ditanggung penduduk biasa, malah Ketua MIC Ladang Mary, Sewadurai S. Ramachandran, 53, juga mengadu nasib sama apabila dipaksa mengosongkan rumah didiaminya sekarang.

"Mereka juga berjanji hendak bagi anak kami berkerja di ladang ini walaupun mempunyai kelulusan tinggi tetapi mereka tidak beri apa-apa kecuali kerja potong buah dengan kutip biji," katanya.

Terdahulu, seramai 57 bekas pekerja ladang di kawasan terbabit membuat laporan polis di Balai Polis Daerah Kuala Selangor.

Setiausaha Parti Sosialis Malaysia (PSM), S. Arutchelvan, berkata notis

akhir pengosongan rumah diterima penduduk pada 11 Mac lalu nyata mengandungi unsur ugutan.

"Dalam notis itu dinyatakan jika mereka enggan keluar, pihak syarikat akan menggunakan polis atau dengan perkataan lain dihalau keluar begitu sahaja walau pun pemilik ladang sebelum ini, Kumpulan Berjaya berjanji akan memberikan tanah seluas 4,000 kaki persegi kepada penduduk yang berkhidmat lebih 10 tahun.

"Penduduk juga bimbang pihak syarikat menggunakan pihak luar untuk mengusir secara paksa dan helah kotor lain seperti memotong bekalan elektrik serta air."

"Pemilik ladang sepatutnya menggunakan saluran perundangan di mahkamah dan bukannya cara paksaan seperti ini," katanya di hadapan Balai Polis Daerah Kuala Selangor di sini.

## Empat stesen LRT di Puchong mula operasi

**PUCHONG** - Kumpulan Prasarana Berhad (PRASARANA) meluaskan perkhidmatan tren RapidKL bagi jajaran Sri Petaling dengan pengenalan empat stesen baru yang memulakan operasi 31 Mac lalu.

Empat stesen berkenaan adalah IOI Puchong Jaya, Pusat Bandar Puchong, Taman Perindustrian Puchong dan Bandar Puteri.

Tiga daripada empat stesen berkenaan turut menempatkan 952 petak pakir awam untuk pengguna.

Tinjauan SelangorKini mendapati, kekerapan ketibaan tren dianggarkan sekitar 2.5 minit pada waktu puncak sementara 5 minit pada waktu biasa.

Pengguna juga digalakkan menggunakan kad Touch 'N Go atau mengaktifkan pakej 'Smart 30' untuk kad MyRapid bagi menikmati ganjaran hebat menggunakan



perkhidmatan tren RapidKL.

SelangorKini berpeluang menaiki tren untuk menikmati sendiri perkhidmatan jajaran baru

yang diperkenalkan bersama wakil PRASARANA selain bertemu beberapa pengguna pada hari pertama operasi.

## 479 pelajar cemerlang UPSR terima anugerah

**KLANG** - Sekurang-kurangnya 479 pelajar cemerlang UPSR dengan keputusan 5A di DUN Seri Andalas diraikan dalam Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan UPSR 2015, baru-baru ini.

Bermula dengan Fasa 1, seramai 224 pelajar cemerlang menerima sijil dan cenderahati disampaikan Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar di Dewan Serbaguna Taman Klang Jaya, pada 26 Mac lalu.

"Saya berharap penghargaan kepada pelajar cemerlang ini menyunting semangat dan menggalakkan mereka untuk terus cemerlang dalam pencapaian akademik," kata Xavier dalam kenyataannya kepada SelangorKini.

**ANUGERAH UPSR DUN SERI ANDALAS**

### FASA 1 (26 MAC) - 244 PELAJAR

SRJK (T) Simpang Lima	120
SRJK (C) Chung Hwa	52
SRA Kg Jawa	31
SRA Taman Sri Andalas	14
Sekolah Al-Ainani	27

### FASA 2 (2 APRIL) - 255 PELAJAR

SRK Sri Andalas	54
SRA Sg Kandis	46
SRK Kg Jawa 2	43
SRA Taman Klang Jaya	31
SRK Taman Klang Jaya	21
SRK Teluk Menegun	19
SRJK (T) Highlands	14
SRK Kg Jawa	11
SRJK (T) Batu Ampat	7
KAFA Integrasi Annur Taman Permai Kandis	4
SRK Klang	3
SRA Hj Fatimah	2



## Warga DUN Seri Andalas terima pemeriksaan kesihatan percuma

**KLANG** - Peluang baik buat warga DUN Seri Andalas apabila berpeluang menerima rawatan kesihatan secara percuma pada 3 April lalu.

Program anjuran bersama Kelab Rotary Bukit Kiara Sunrise, Kelab Rotary Shah Alam dan JKP Zon N49A Majlis Perbandaran Klang (MPK) itu berlangsung di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Simpang Lima.

Bermula jam 8.00 pagi dan

berakhir jam 2.00 petang, orang ramai bukan sahaja menerima pelbagai pemeriksaan kesihatan, malah diberi pek cenderamata.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar yang juga adalah doktor gigi turut tidak melepaskan peluang memberi khidmat pemeriksaan pergigian singkat sebagai pendekatan beramah mesra dengan warga di DUN itu.

## 392 pesawah terima MyGap

**SHAH ALAM** - Seramai 392 pesawah padi di Selangor diaugerahkan Sijil Amalan Pertanian Baik (MyGap) ekoran kemampuan mereka mematuhi piawaian berdasarkan 10 amalan ditetapkan Jabatan Pertanian Selangor.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata amalan itu bertujuan menggalakkan petani meningkatkan hasil berkualiti.

"Pemutuan ini mendidik

petani mengeluarkan padi bermutu dan mereka yang mengamalkan amalan ini akan menerima sijil MyGap daripada Jabatan Pertanian.

"Jabatan Pertanian mensasarkan seramai 213 lagi petani akan menerima sijil sama pada 2016," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 1 April lalu.

Pada masa sama, katanya, Kerajaan Negeri juga bersedia membantu pesawah meningkatkan pengeluaran masing-masing dalam pelbagai aspek termasuk bantuan teknikal.



**01**  
Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo menghadiri Program Skim Keselamatan Kejurran Negeri Selangor di Taman Puchong permai

**02**  
Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy San meraikan undangan majlis perkahwinan di kawasannya

**03**  
ADN Morib, Hasnul Baharuddin menyampaikan bantuan cermin mata di Taman Sri Putra.

**04**  
ADN Meru, Dr Abdul Rani Othman berkesempatan beramah mesra bersama penduduk sebelum menghadiri sidang Dewan Negeri Selangor (DNS)

**05**  
ADN Selat Klang, Dr Halimah Ali menyampaikan sumbangan kepada penduduk di Kampung Sungai Kandis

**06**  
Ahli Parlimen Kapar, Manivanan Gowin menghadiri bantahan pembinaan kondominium bersebelahan sekolah tamil di Jalan Cheras

**07**  
ADN Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari membawa peserta Kebun Komuniti Seksyen 8, Shah Alam ke projek tanaman cili moden di Batu Belah, Klang

**08**  
ADN Kampung Tunku, Lau Weng San menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Baru Sungai Way

**09**



## Visi, misi dan strategi

Apakah visi dan misi HIJRAH bagi menempuh cabaran masa depan?

HIJRAH sudah wujud setahun lalu dan ketika itu Kerajaan Negeri meminta kita memperaksakan dua program dilaksanakan sebelum ini iaitu Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR). Skimsel adalah program mikrokredit untuk penduduk luar bandar, manakala MiMBAR pula untuk usahawan bandar.

Sejak Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengambil alih, beliau mahu mengintegrasikan program ini di bawah satu naungan, maka lahirnya HIJRAH.

Ia dinamakan sebegini untuk menghijrahkan usahawan di dalam MiMBAR dan Skimsel. Kedua, mengajak rakyat di negeri ini berhijrah ke tahap sosio ekonomi lebih tinggi.

Visi kita adalah memenuhi misi Menteri Besar iaitu menangani isu kemiskinan dan seterusnya melebarkan kelas mensempurnakan kelaziman di negeri ini. Kita tahu di Selangor kedudukan kemiskinan tegarnya adalah sifar, tetapi kemiskinan masih ada lagi. Itu pun selepas Kerajaan Negeri sudah menaikkan paras kemiskinan negeri berbeza dengan Kerajaan Persekutuan.

**Apakah strategi yang digunakan untuk mencapai semua misi ini?**

Bagi saya, kita perlu mewujudkan sistem menarik supaya dapat sambutan daripada rakyat. Kedua, kakitangan efisien adalah sangat penting untuk melaksanakan program ini. Ketiga, sokongan daripada Kerajaan Negeri.

Justeru, program ini sangat penting untuk dibentuk lebih mudah, cepat dan tidak membantahan. Tiga konsep ini juga kita

## Setahun pelaksanaan

# HIJRAH unggul bantu usahawan

**H**IJRAH Selangor yang diperkenalkan Kerajaan Selangor bagi melonjak ekonomi golongan berpendapatan rendah kepada menengah bukanlah sesuatu yang asing di negeri ini.

Dengan peruntukan dana sebanyak RM100 juta diumumkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dalam Belanjawan Selangor lalu, program itu turut menerima tambahan RM31 juta bagi pelaksanaan Dana Pembangunan Usahawan.

Menyambut ulang tahun pertama pada 24 Mac lalu, HIJRAH terus komited membantu rakyat Selangor menjadi usahawan berjaya berbekalkan modal pendaftaran.

Wartawan SelangorKini, Norhayati Umor berpeluang menemubual **PENGURUSI EKSEKUTIF HIJRAH, DATO' MANSOR OTHMAN** bagi mendapat penjelasan lanjut.



aplikasikan ketika permohonan iaitu isi borang, tunggu 10 hari dan baucar dikeluarkan.

### Berapa lama tempoh diberikan untuk memastikan visi dan misi tercapai?

Saya diberikan tanggungjawab untuk membimbing program ini selama dua tahun memandangkan pengalaman sebelum ini di Universiti Sains Malaysia, Tekun dan Amanah Ikhtiar. Jadi, ini ruang yang baik untuk kita kembangkan di Selangor. Tempoh dua tahun ini boleh kita latih kakitangan.

Saya berikan tempoh sasaran selama tiga tahun kerana kita memerlukan sasaran 56,000 peserta. Satu DUN 1,000 peserta. Bagi tahun pertama, kita sudah mencapai 20,000.

Saya jangkakan kita akan berjaya capai dengan kerjasama

Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi di negeri ini.

### Kekuatan HIJRAH

#### Apakah keistimewaan dan kekuatan utama HIJRAH?

HIJRAH mempunyai asas simpanan dalam bayaran balik pinjaman. Contohnya, seorang usahawan meminjam RM10,000 untuk masa tiga tahun. Bayaran mingguan itu mempunyai simpanan dan di akhir tempoh tiga tahun, mereka mempunyai RM3,000 simpanan.

Kedua, kita mewujudkan jarigan dalam kalangan usahawan itu sendiri. Ketiga, kita mewujudkan khidmat profesional selama usahawan bersama dengan program ini, antaranya atas perniagaan, pembungkusan dan 'soft skill' untuk mereka maju ke hadapan.

Kita juga menggalakkan usahawan menjadi pembimbing kepada peminjam lain.

Keempat, kita akan membantu mereka dalam aktiviti Koperasi HIJRAH yang akan dilaksanakan.

Selain itu, HIJRAH turut memberikan peluang pekerjaan. Setakat ini, HIJRAH mempunyai seramai 150 kakitangan. Kita menjangkakan peluang pekerjaan diwujudkan sebanyak 300 kakitangan jika 56,000 peserta HIJRAH direalisasikan.

Selain itu, selepas tiga tahun, HIJRAH boleh berdiri di atas kaki sendiri. Kos pentadbiran itu juga tidak lagi ditanggung kerana kita boleh menjana pendapatan.

#### Apakah pencapaian Dato'

### selepas setahun menerajui HIJRAH?

Dengan adanya sedikit pengalaman sebelum ini, saya rasa lebih mudah untuk melaksanakannya. Saya dapat ada Pegawai Kanan di sini juga bersama dengan saya sebelum ini dan sudah terdedah dengan program seperti ini.

Sambutan diterima cukup bagus di negeri ini, bermakna usahawan kita memerlukan modal tambahan untuk terus maju ke hadapan. Dalam masa setahun, kita berjaya mencapai sasaran. Pembayaran balik juga diterima sebanyak 98 peratus.

Dalam tempoh setahun juga, HIJRAH berjaya melaksanakan karnival usahawan selain koperasi yang kini sedang menunggu Sijil Kelahiran Koperasi.

### Merencana masa hadapan

#### Apakah perancangan yang akan dilaksanakan selepas ini?

Memasuki tahun kedua penubuhan, kita sedang merancang dengan beberapa syarikat untuk membimbing golongan Orang Kurang Upaya (OKU), ibu tunggal, wanita ladang, golongan asnaf, siswa siswi, belia atau kumpulan yang berminat untuk memulakan perniagaan.

Setakat ini, tiga syarikat berminat membantu kita, antaranya Ramli Burger, Comel Reka dan Segi Fresh.

Langkah ini supaya seluruh rakyat dapat merasai faedah dilaksanakan Kerajaan Negeri di samping koperasi HIJRAH akan

lebih aktif dan agresif mencari bisnes untuk kakitangan dan usahawan.

Saya berharap HIJRAH menjadi satu agensi berdikari dan kukuh serta tidak bergantung kepada dana kerajaan semata-mata. Kita juga dapat memperluaskan golongan usahawan HIJRAH bukan sekadar disasarkan.

### Adakah Dato' berpuas hati dengan pencapaian Hijrah?

Sangat berpuas hati, namun terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki antaranya, tajamkan pengetahuan dan komitmen kakitangan HIJRAH. Itu sangat mustahak. Latihan kepada mereka tiada dalam buku, sebaliknya mereka dipantau secara mesyuarat mingguan peringkat zon mahupun cawangan.

### Apakah nasihat kepada kakitangan dan usahawan untuk terus meningkatkan keupayaan dan kelestarian HIJRAH?

Saya menyeru kepada semua usahawan dan rakyat untuk merebut peluang ini kerana HIJRAH tiada di negeri lain. Saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat mengembangkan lagi dana tambahan untuk disampaikan kepada kumpulan sasaran.

Saya juga mahu usahawan HIJRAH berjaya ke satu tahap membanggakan dan pada masa sama, budaya kerja kakitangan juga dipertingkatkan kerana waktu kerja kita tidak mengira masa.

Kakitangan perlu memahami konsep program ini dan ada keinginan membantu usahawan dan koperasi serentak.

## Status Pembiayaan Sehingga 31 Mac 2016

Pembiayaan Mengikut Zon (Sehingga 31 Mac 2016)

	JUMLAH PESERTA	JUMLAH RM
ZON 1	7,927	35,975,000.00
ZON 2	5,745	32,260,000.00
ZON 3	5,650	28,506,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>19,322</b>	<b>96,741,000.00</b>

**96,741,000 (RM)**

Pembiayaan sehingga 31 Mac 2016

**19,322 peserta**

Peserta menerima manfaat

**97.19%**

Peratusan Kutipan Bayar Balik

Bantu usahawan rentas politik

# Beza HIJRAH dan TEKUN

OLEH HAFIZAN TAIB

**S**ERINGKALI terdengar rungutan peniaga kecil berkenaan kesukaran mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan yang mengenakan pelbagai syarat dalam membuat permohonan.

Peniaga dalam kalangan masyarakat Melayu dan Bumi-putera kebanyakannya menghadapi masalah seperti itu yang berakhir dengan nada hampa gagal menjalankan perniagaan akibat ketiadaan modal.

Menyedari masalah itu, Kerajaan Selangor merancang pelbagai program demi membela nasib rakyat ke arah peningkatan tahap ekonomi dan kehidupan.

HIJRAH adalah salah satu program dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) memberi tumpuan dalam usaha itu dengan menggabungkan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (Wala) yang dilaksanakan sejak 2010.

Program terbabit nyata banyak membantu rakyat dalam kalangan miskin bandar memajukan diri dengan menyertai bidang keusahawanan di mana lebih 18,000 usahawan seluruh Selangor sudah menerima bantuan pinjaman daripada skim HIJRAH.

Dengan modal pusingan pelaksanaan program berjumlah RM100 juta, ia memberi manfaat besar kepada golongan sasaran di mana sistem digunakan amat mudahkan, cepat dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil yang



didapati sering menghadapi masalah kekurangan modal.

### Lebar pendapatan kelas menengah

Berbeza dengan skim bantuan keusahawanan lain, pinjaman tanpa faedah dipraktikkan HIJRAH jelas melegakan peserta dalam program itu yang mencatatkan jumlah pinjaman semula tinggi dengan capaian kira-kira 98 peratus pada tahun lalu.

Hasil pencapaian diraih itu mendarangkan kesan dengan sasaran untuk melebarkan golongan kelas menengah di Selangor divisikan Dato' Menteri Besar boleh dicapai melalui pendekatan pelaksanaan sistem penyaluran modal tam-

bahan efisien kepada peniaga kecil di negeri itu.

Sejak dilancarkan pada Mac tahun lalu, HIJRAH sudah menjalankan pelbagai program bimbingan dan kursus bagi membantu golongan sasaran di mana sudah menampakkan hasil positif dengan pembabitan ramai peserta menyertai aktiviti perniagaan kecil-kecilan.

Dengan bimbingan dan pemantauan khusus HIJRAH kepada peserta terbabit selain sistem pinjaman mudah diberikan adalah faktor penyebab majoriti peserta mencapai kejayaan serta pembayaran semula pinjaman tinggi.

Perkongsian hasil kekayaan negeri disalurkan Kerajaan Selangor menerusi program sebegini memupuk semangat berdikari serta memberi ruang dan peluang untuk rakyat membaiki kehidupan dan pendapatan seisi keluarga bagi melepas Paras Garis Kemiskinan (PGK) selain tidak lagi bergantung kepada bantuan kebajikan semata-mata.

Ekoran pencapaian membanggakan, Kerajaan Selangor menambah peruntukan bagi program pinjaman usahawan sebanyak RM31 juta tahun ini.

"Kerajaan Selangor tidak perlu lagi menambah RM100 juta sama seperti tahun lalu kerana disiplin bayaran balik usahawan yang meminjam sangat baik hingga mencapai 98 peratus.

"Peruntukan HIJRAH tidak dikecilkkan tetapi kewangan yang ada mencukupi untuk

terus membantu usahawan," kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

### Semua layak memohon HIJRAH

Kerajaan Selangor juga tidak membezakan rakyat mendiami negeri itu dengan program dan bantuan disediakan boleh dipohon mereka yang sudah bermastautin di Selangor melebihi 10 tahun.

Malah program HIJRAH tidak terkecuali dengan bantuan pinjaman turut disalurkan kepada warga Sabah dan Sarawak yang layak mendapatnya.

Berdasarkan rekod semasa, daripada 11,378 peserta HIJRAH yang memohon terdapat 40 penyertaan daripada Bumi-putera dari kedua negeri itu.

Ketua Pengurus Operasi HIJRAH, Roslim Md Akhir, berkata program diperkenalkan Kerajaan Selangor itu amat berguna dan patut menjadi model kepada negeri lain di Malaysia.

"Dalam tempoh singkat ia sudah menampakkan kesan, malah diyakini lima tahun akan datang dan seterusnya program ini akan menunjukkan hasil kejayaan diingini."

"Kita membimbing usahawan dengan melantik perunding pakar dalam bidang masing-masing dengan menjalankan pelbagai program selain pemantauan berterusan," katanya.

Katanya, pendekatan diguna pakai HIJRAH jelas berbeza



**Dalam tempoh singkat ia sudah menampakkan kesan, malah diyakini lima tahun akan datang dan seterusnya program ini akan menunjukkan hasil kejayaan diingini**

**ROSLIM MD AKHIR**  
Ketua Pengurus Operasi HIJRAH

berbanding Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang hanya dikendalikan pihak tertentu yang dilantik secara dalaman.

"Sesuatu yang begitu berbeza antara TEKUN dan HIJRAH adalah diuruskan mereka yang tiada kaitan dengan unsur politik," katanya.





MENCARI  
KEBENARAN

# 'Ketamakan' Jason Lim

OLEH LIZAWATI MADFA



**Mesejnya  
jelas, bahawa  
ketamakan dan  
ketidakjujuran  
adalah satu  
sikap universal  
tanpa mengira  
warna kulit,  
bangsa  
mahupun  
agama**



Sentiasa mencuri tumpuan dengan penghasilan filem pendek yang membuat ramai 'tertampar', Jason Lim hadir dengan buah tangan terbarunya, 'Greed' (Tamak) awal Mac lalu.

Pengarah dan penerbit filem berusia 30 tahun itu sekali lagi berjaya menonjolkan mesej kejujuran dan ketamakan dalam kalangan masyarakat negara ini, yang diuji dengan wang sengaja dicircikan.

Berdurasi lebih empat minit, filem itu kini mencecah jutaan capaian dan lebih 60,000 perkongsian di laman sosial selepas sebulan disiarkan.

"Jika kamu ternampak seseorang tercicir wang di atas jalan, adakah kamu akan mengambil wang

itu atau kamu akan melakukan perkara yang sepatutnya dilakukan.

"Kami mengambil keputusan mencari kebenaran," katanya menerusi kapsyen awal filem itu.

Bahagian pertama menunjukkan ramai mengutip wang berkenaan dan buat-buat tidak tahu, malah ada yang terus berjalan laju melarikan diri selepas mengutip wang dijatuhkan seorang pemuda.

Bahagian kedua pula memaparkan masih ada mengutip dan memulangkan kembali wang berkenaan.

Mula menyentuh hati, apabila rakaman menunjukkan seorang wanita dipercayai kurang upaya (pekak dan bisu) turut mengutip dan berlari untuk memulangkannya.

Kemuncaknya paling emosi apabila seorang pengemis bangun mengejar pemuda yang tercicir wangnya di hadapan tempat beliau duduk di kaki lima meminta sedekah.



## Pedas namun bermakna

Ramai memuji usaha terbaru Jason itu selepas penghasilan filem 'pedas' lain termasuk Lahir Sebagai Rasis (*Born A Racist*), Aku Bukan Bodoh (*I'm Not Stupid*) dan Rakyat Malaysia Yang Tidak Mempunyai Perasaan (*Heartless Malaysians*).

"Mesejnya jelas, bahawa ketamakan dan ketidakjujuran adalah satu sikap universal tanpa mengira warna kulit, bangsa mahupun agama.

"Setiap orang berpeluang memilih untuk bersikap jujur atau sebaliknya," kata anak muda kelahiran Selangor ini.

Di sebalik rimbunan pujian netizen, Jason bagaimanapun sedikit kesal apabila masih terdapat pihak yang gagal memahami maksud sebenar 'Greed'.

Keluhnya, ramai keliru dengan kapsyen digunakan, bangsa mana paling tamak antara semuanya (*Which race is the most greedy of all?*).

"Apa yang mereka fikirkan? Semestinya jawapan kepada soalan itu adalah manusia (*human race*).

"Hanya orang yang rasis sahaja akan cenderung untuk mengatakan bahawa 'Greed' berkisar berkenaan bangsa tertentu," tegasnya.

Jason berpendapat, rakyat Malaysia terlalu leka memperbesarkan benda remeh berbanding perkara menuntut perhatian.

"Ada juga yang mempersoalkan mengapa saya tidak berikan wang kepada pengemis itu sedangkan itu sudah dilakukan. Adakah dengan menguar-uar-

kan kebaikan ini akan membuat saya mulia di mata dunia? Tidak sama sekali.

"Pengemis itu bukan malaunya. Dia hanya sebahagian daripada rakaman kami yang menunjukkan bagaimana seorang peminta sedekah pun masih kenal mana haknya dan mengembalikan hak orang walaupun dia begitu memerlukan," ceritanya sedikit emosi.

## Tampil membantu

Menerusi laman rasmi Facebooknya, Jason Lim Productions, beliau ada memuat naik rakaman di mana pemuda yang menjatuhkan wang itu sebenarnya kembali kepada pengemis berkenaan dan menyumbang sedikit wang.

Ketika ditanya Jason mengapa dia memulangkan wang itu, lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Subramaniam secara bersahaja memberitahu itu bukan haknya.

Berjanji untuk terus menyokong Subramaniam menjalani kehidupan lebih baik, Jason menyertu 'keyboard warriors' untuk keluar dan membantu golongan gelandangan.

Dilihat berbakat besar dengan idea serta gaya pengarahan baik dan jarang ditemui, Jason bagaimanapun mengakui beliau lebih selesa untuk terus mengembangkan kariernya di Hong Kong.

"Di sana, hak dan suara rakyat lebih dipeduli. Lagipun tidak banyak sekatan dalam berkarya menjadikan kita lebih selesa mencurah idea untuk dikembangkan," akhirnya.

Teater Atas Pokok

# Tarik minat MBR, profesor Amerika

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Bakal dipentaskan dua minggu lagi, Teater Atas Pokok (TAP) sudah pun menempa pencapaian membanggakan.

Pengaruhnya, Shamsudin Othman, berkata Malaysia Book of Records (MBR) sudah menerima jemputan pihak pengurusan TAP untuk merekodkan pementasan ini sebagai teater pertama seumpamanya dipentaskan di atas pokok.

Katanya, MBR kini dilaporkan dalam proses memberi pengiktirafan.

"Selain itu, terdapat sahabat kita turut menjemput seorang Profesor Teater di Amerika yang juga merupakan penyunting sebuah jurnal teater Asia untuk hadir menonton."

**SHAMSUDIN OTHMAN**  
Pengarah Teater Atas Pokok

Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari dan Pengurus Komunikasi Korporat Tourism Selangor, Ahmad Nazri Tashriq Rahmat.

Shamsudin atau lebih dikenali sebagai Dinsman mengakui ber-



hadapan banyak cabaran mempertaskan karyanya di atas pokok termasuk isu keselamatan dan teknikal.

"Dalam isu keselamatan, kita

sudah dapatkan nasihat syarikat konsultan yang beritahu diahan mana selamat, mana yang tidak, dan aspek lain.

"Dari segi teknikal, kita akan

fokus kepada pencahayaan, begitu juga dengan audio kerana pemuzik juga dibayangkan akan berada di atas (pokok)," katanya.

## Tepati Smart Selangor, jayakan Kota Seni

**SHAH ALAM** - Pementasan Teater Atas Pokok (TAP) menepati dasar penting Gagasan Smart Selangor, 'liveable city' yang sedang giat dijayakan Kerajaan Negeri.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata tea-

ter yang bakal dipentaskan pada 16 dan 17 April itu mengangkat tema kelestarian alam sekitar.

Katanya, ia juga antara usaha menggiatkan aktiviti kebudayaan di Shah Alam yang diangkat sebagai Kota Seni.


"Sesi perbahasan menjunjung titah DYMM Sultan Selangor di Dewan Negeri yang baru berakhir juga menyaksikan ramai wakil rakyat membangkitkan isu kepentingan alam sekitar.

"Persembahan ini diharap dapat memberi kesedaran kepada semua akan kepentingan menjaga alam sekitar, apalagi di saat kita merasai kesan pemanasan global," katanya.

Bertempat di hadapan Kedai Kopi 2, Dataran Kemerdekaan Shah Alam, orang ramai boleh menonton TAP secara percuma.

Pementasan dengan kerjasama Seniman Paksi Rakyat itu dijadual bermula jam 9 malam dengan sebuah pokok angsan dijadikan pentas.

TAP mengangkat dua sajak Seniman Negara, Allahyarham Usman Awang iaitu Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar dan Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar.



**Taman Warisan**  
@ Kuala Selangor

Menampilkan reka bentuk kontemporer moden, rumah teres 2½ tingkat Taman Warisan memberi daya tarik kepada setiap pengunjung yang tiba di komuniti. Ia bukan sekadar memenuhi impian anda untuk memiliki rumah sendiri maka ia juga tempat bagi anda selasi keluarga menjalani kehidupan sehari-hari dalam keadaan serba selesa.

**RUMAH TERES MODEN  
2½ TINGKAT**

5 bilik tidur + 4 bilik mandi

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**+603-9019 8663/0663**  
[www.pdmc.com.my](http://www.pdmc.com.my)


Pembangunan prestij oleh: **PDMC GROUP**

Pemaju: **PDMC Land Sdn. Bhd. (729020-M)**

Pejabat Jualan No. 62A, Jalan Temenggong 1/9, Sek.9, 43200 Mahkota Cheras, Selangor.  
Tel : +603-9019 8663 Faks : +603-9011 2166

Ibu Pejabat: No. 10, Jalan TPK 1/6, Seksyen 1, Taman Perindustrian Kirara, 47180 Puchong, Selangor.  
Tel : +603-8070 8826 Faks : +603-8070 7500

Pendaftaran Perkhidmatan Umum: No. 13007-103-20170176(L) • No. lesen Pematu: 13007-103-20170176(P) • Tempoh Sah: 05/03/2015 - 04/03/2017.  
Penilaian: Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua lukisan realistik adalah gambaran pelukis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Walaupun sekutu penyediaan iklan semasa perhatian sejawarnya telah diberikan, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan sekerap ketidakkepastian. Semua item di atas adalah tertakluk pada ubahan, ubah suai dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh Pihak-pihak Berkuasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Juruterba.



Intisari Khutbah Jumaat: 8 April 2016

# Negeri sejahtera dan dirahmati Allah

**F**irman Allah SWT di dalam Surah Saba' ayat 15;  
"Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!".

Untuk mencapai kemakmuran, keselesaan dan keamanan dalam kehidupan, Allah SWT menceritakan dalam Surah Saba', kisah sebuah negeri bernama Saba' yang didiami satu kaum di Selatan Yaman pernah mengecapi segala kemakmuran, kekayaan, keamanan, dengan kurniaan rahmat daripada Allah SWT.

Mereka mendaki tangga tamadun tinggi sehingga diberi nikmat mengandalkan air hujan mengalir dari sebelah laut di Selatan dan di Timur dengan membina sebuah tasik diapit dua buah bukit.

Di permukaan lembah antara dua bukit itu mereka membina sebuah empangan yang dapat menakung air banyak bagi keperluan mereka sehingga memperoleh punca bekalan air amat besar dan terkenal dengan

nama Empangan Ma'arib.

Di negeri itu juga terdapat kebun terletak di kanan dan kiri melambangkan ia sebuah negeri subur, mewah, makmur dan penuh kenikmatan.

Berdasarkan kisah negara Saba' itu, beberapa perkara penting boleh diambil sebagai panduan untuk menjadikan negeri ini sentiasa konsisten sebagai sebuah negeri sejahtera dan mendapat keredaan Allah SWT.

Oleh itu beberapa langkah berikut wajalah dilaksanakan:

1. Hendaklah melaksanakan syariat Islam secara syumul dan menyeluruh di setiap peringkat sama ada dari segi ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan perundangan. Ini juga matlamat sebenarnya kita hidup di atas muka bumi Allah sebagai Khalifah berkewajipan mendaulatkan perintah Allah dalam segenap lapangan kehidupan. Sesungguhnya, melaksanakan perundangan serta dasar syariat akan

membawa rahmat kepada seluruh alam dan memberikan petunjuk kepada manusia.

2. Para pemimpin mestilah bersikap adil dalam melaksana polisi dan berani membuat keputusan yang memberi manfaat kepada rakyat serta amanah dengan kuasa dimiliki. Pemimpin juga harus bersikap jujur, memiliki minda tajam, berilmu dan berpengetahuan luas dalam ilmu dunia dan akhirat serta berkemahiran dalam mengurus dan mentadbir negeri.

3. Hendaklah memelihara dan menutup ruang kemaksiatan yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Sesungguhnya usaha pencegahan unsur kemungkar dan kemaksiatan akan mengundang keamanan dan kesejahteraan hidup. Sebaliknya, membiarkan kemaksiatan berleluasa dalam negeri akan mendatangkan bala dan kesusahan terhadap kehidupan seluruh rakyat.

4. Hendaklah melipat gandakan usaha menjaga kebijakan semua rakyat tanpa mengira kaum, bangsa atau keturunan. Selain itu, keadilan yang meletakkan neraca iman dan taqwa sebagai keutamaan dalam menolak kepentingan berdasarkan keturunan, bangsa dan warna kulit akan menarik rahmat dan keamanan.

5. Mestilah menjadi manusia bertaqwah dalam segenap aspek kehidupan, mensyukuri nikmat pemberian Allah dengan banyak melakukan kebijakan sesama makhluk, bersikap taa'wun (tolong-menolong dalam kebijakan) dengan menuaikan zakat, memperbanyakkan sedekah, taat kepada pemimpin soleh, penyayang kepada golongan fakir dan miskin dan menghormati hak orang lain atas dasar kemanusiaan seterusnya mengikat kesatuan sesama manusia tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.

6. Selain itu, pemimpin dan rakyat juga mestilah meletakkan pergantungan tinggi

**Para pemimpin mestilah bersikap adil dalam melaksana polisi dan berani membuat keputusan yang memberi manfaat kepada rakyat serta amanah dengan kuasa dimiliki**

terhadap Allah SWT dengan saling bekerjasama dan bermesyuarat demi meraih rahmat dan keberkatan disisi Allah SWT sepertimana firman-Nya dalam Surah Ali Imran ayat 159 :

"...dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Maka apabila engkau telah berazam maka bertawakkal kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepada-Nya".

Dengan panduan-panduan ini, maka umat Islam hendaklah:

1. Menyedari dan memahami bahawa kita memikul tanggungjawab sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini

2. Memberi sokongan kepada Ulama' dan pemimpin untuk saling bekerjasama dalam menegakkan keadilan dan mendirikan syariat Allah.

3. Berwaspada bahawa keingkaran terhadap perintah Allah akan mengundang kemurkaan dan bencana daripada Allah SWT.

4. Sentiasa bertanggungjawab memelihara perpaduan, menjaga keamanan dan kesejahteraan hidup bernegara



**KULIAH BULANAN KITAB MASTIKA HADITH**  
OLEH : SAHIBUS SAMAHAH TUAN DR. ANHAR BIN OPIR

**HARI : KHAMIS MINGGU PERTAMA**  
**MASA : 12.45 PM - 1.30 PM**  
**TEMPAT : SURAU BANGUNAN SUK, SHAH ALAM**  
**"SMART SELANGOR, MAJU SEJAHTERA"**

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI**

**ANJURAN : PENGURUSI JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAH AGAMA ISLAM | DENGAN KERJASAMA : KELAB SURAU SUK, SHAH ALAM**

Permudah urusan ke hospital

# Bas percuma untuk pesara



**Mohd Azizi bersama Nik Nazmi (belakang) mencuba perkhidmatan bas percuma untuk manfaat masyarakat Petaling Jaya**

OLEH HAFIZAN TAIB

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan perkhidmatan bas percuma untuk kemudahan masyarakat setempat khususnya pesara di kawasan Zon 24, di sini, pada 3 April lalu.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata perkhidmatan terbabit disediakan ekoran jumlah penduduk ramai di kawasan Desa Menteri itu termasuk golongan pesara.

"Kemudahan itu menyenangkan komuniti untuk ke Klinik 1Malaysia dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Ia ekoran ramai pesara mendiami kawasan ini dan berharap



## BAS PERCUMA UNTUK PESARA

**3 Kali seminggu Isnin, Rabu dan Jumaat 7 Pagi dan 2 Petang**

dapat membawa manfaat kepada mereka bagi mendapatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan," katanya.

Azizi berkata, MBPJ akan mengkaji keperluan melebarkan perkhidmatan bas percuma seumpama itu kepada komuniti di kawasan lain.

Katanya, perkhidmatan bas percuma sedia ada, "PJ City Bus" memberikan kemudahan kepada penduduk di sekitar bandar raya itu dengan pertambahan 12 bas pada tahun ini.

"Pertambahan itu menjadikan perkhidmatannya meningkat kepada 22 bas termasuk dua bas elektrik dengan laluan tambahan jajaran ketiga dan keempat iaitu menghala ke Kelana Jaya dan Kampung Tunku.

## Selangor rangka kaedah baru tangani kilang haram

**SHAH ALAM** - Kaedah baru menangani masalah kilang haram secara holistik sedang dirangka Kerajaan Negeri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata kaedah baru bagi tempoh lima tahun itu membabitkan pengurangan insentif secara berperingkat dan memberi kebenaran merancang serta pelan bangan khas.

Katanya, sebelum ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) juga bersetuju

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MP Sepang 400-10/12-06/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ DENGKIL 1 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	221002 (Membersih Kawasan) dan 221003 (Mengangkat Sampah)	RM 100.00
2.	MP Sepang 400-10/12-07/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ DENGKIL 2 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
3.	MP Sepang 400-10/12-08/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN DESA PINGGIRAN PUTRA, DESA ANJUNG PUTRA & PUNCAK PINGGIRAN PUTRA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
4.	MP Sepang 400-10/12-09/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ JENDERAM UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG.		RM 100.00
5.	MP Sepang 400-10/12-10/2016UPB	PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN KOTA WARISAN, JALAN ERL & PUSAT PERNIAGAAN GEMILANG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
6.	MP Sepang 400-10/12-11/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN KERJA PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ SUNGAI MERAB 1 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
7.	MP Sepang 400-10/12-12/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN KERJA PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ SUNGAI MERAB 2 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
8.	MP Sepang 400-10/12-13/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ SUNGAI MERAB 3 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
9.	MP Sepang 400-10/12-14/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PAKEJ SUNGAI MERAB 4 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
10.	MP Sepang 400-10/12-15/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN WARISAN INDAH DAN WARISAN BESTARI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
11.	MP Sepang 400-10/12-16/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN SRI SG PELEK, SRI MERBAU I & II, K.S.M DAN TENTERAM UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
12.	MP Sepang 400-10/12-17/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TMN MUHIBBAH, TMN BAHAGIA, TAMAN SRI JAYA, TMN RIA 1 & 2, TMN BISTARI, TMN GEMBIRA, TMN BERJAYA, TMN PERMAI, TMN SRI SIANTAN, TMN DAMAI DAN PEKAN SG. PELEK (KAWASAN PEJABAT ZON JPP) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
13.	MP Sepang 400-10/12-18/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN ZON SALAK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
14.	MP Sepang 400-10/12-19/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN DAHLIA, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
15.	MP Sepang 400-10/12-20/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN SEROJA, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
16.	MP Sepang 400-10/12-21/2016UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN MAWAR 1, MAWAR 2, MAWAR PERDANA, MAWAR (FASA B) DAN D'MAWAR RESIDENSI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
17.	MP Sepang 400-10/12-22/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN JALAN UTAMA (DARI SIMPANG MAHKAMAH HINGGA SIMPANG 3 B48), TAMAN DESA VISTA & TAMAN KENANGA, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
18.	MP Sepang 400-10/12-23/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN CEMPaka, SELASIH, ANGERIK, TERATAI & QUARTERS KERAJAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
19.	MP Sepang 400-10/12-24/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN JALAN UTAMA BBST HINGGA STADIUM, MEDAN 23 & MEDAN 88 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
20.	MP Sepang 400-10/12-25/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PANTAI SEPANG PUTRA 1 (JLN RAJA UDANG - JLN MURAI) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
21.	MP Sepang 400-10/12-26/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PANTAI SEPANG PUTRA 2 (JLN PERLING, TASIK BERINGIN, HELANG TIRAM, HELANG SIPUT & SEBAHAGIAN TASIK CEMPaka) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
22.	MP Sepang 400-10/12-27/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PANTAI SEPANG PUTRA 3 (JLN TASIK ANGSANA, TASIK ARA & SEBAHAGIAN TASIK CEMPaka) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
23.	MP Sepang 400-10/12-28/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN PERUMAHAN ZON KG. GICHING, LABU, KG. SALAK TINGGI, DESA BESTARI, DESA SALAK PERMAI & DESA SALAK MULIA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
24.	MP Sepang 400-10/12-29/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN BUNGA RAYA, BBST BUSINESS PARK, TAMAN IXORA (ANJUNG IXORA & IXORA HILLPARK), KOSMOPLEKS DAN KAWASAN INDUSTRI (WRP) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
25.	MP Sepang 400-10/12-30/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN FASA 1 & 2 TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
26.	MP Sepang 400-10/12-31/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN FASA 3 TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
27.	MP Sepang 400-10/12-32/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN KERJA PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN FASA 5 TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
28.	MP Sepang 400-10/12-33/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN BP 10, BP 11 BANDAR BUKIT PUCHONG & TAMAN PERINDUSTRIAN MERANTI PERDANA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
29.	MP Sepang 400-10/12-34/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN DI CLUSTER 8, CLUSTER 9, JALAN UTAMA PP 10 & THE LAKE RESIDENCE, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
30.	MP Sepang 400-10/12-35/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN TAMAN AMAN PUTRA, BANDAR NUSAPUTRA, PUCHONG & TAMAN PINGGIRAN CYBER, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
31.	MP Sepang 400-10/12-36/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN FASA 1 & 2 TAMAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
32.	MP Sepang 400-10/12-37/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN FASA 3 TAMAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
33.	MP Sepang 400-10/12-38/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN FASA 4 & 5 TAMAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
34.	MP Sepang 400-10/12-39/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN DI TAMAN PERINDUSTRIAN MERANTI PERMALLA, TAMAN PERINDUSTRIAN MERANTI JAYA, D25, TAMAN PERINDUSTRIAN MERANTI, TAMAN MERANTI JAYA & TAMAN PUTRA IMPIANIA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
35.	MP Sepang 400-10/12-40/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN DI TAMAN TASIK PUCHONG, TAMAN ALAM IDAMAN, D'ISLAND, DESA AYER HITAM, TAMAN PUTRA & TAMAN TASIK PERINDUSTRIAN PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
36.	MP Sepang 400-10/12-41/2016 UPB	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL AWAM BAGI KAWASAN DI TAMAN PRIMA TROPICA, TAMAN ALAM PUTRA, TAMAN LESTARI PERMALLA & TAMAN SURIA TROPICA, SERI KEMBANGAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG		RM 100.00
2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh <b>07 April 2016 hingga 21 April 2016</b> dengan harga yang ditetapkan bagi senasak (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantik Wakil, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai, Wang Pos Atau Bank Draft yang berpalang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.				
3. Kontraktor-kontraktor adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Pengguna atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti tersebut:				
<p>Tarikh : 07 April 2016 (Khamis)      Masa : 9.30 pagi      Tempat Berkumpul : Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi (BBST), Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang</p>				
4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah ditarikh dalam sampul surat bermeteri dengan menuis <b>No. Tender</b> di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan sebelum atau pada jam 12.00 tengahari pada <b>21 April 2016 (Khamis)</b> .				
5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.				

# SEMAK DAN BAYAR CUKAI TANAH ANDA SEBELUM 31 MEI 2016 UNTUK MENGELOAKKAN DENDA LEWAT

SEMAKAN BOLEH DILAKUKAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH YANG  
BERDEKATAN ATAU MENERUSI LAMAN [HTTPS://HASIL.SELANGOR.GOV.MY](https://HASIL.SELANGOR.GOV.MY)  
ATAU MENERUSI mySMS 15888

ANDA MEMILIKI RUMAH?  
KEDAI? HARTANAH  
DI NEGERI SELANGOR?  
ADA CUKAI TANAH YANG  
PERLU ANDA JELASKAN!!

CUKAI TANAH  
**BUKAN**  
CUKAI PINTU

Pembayaran melalui **KAUNTER** di seluruh Negeri Selangor seperti:

1. Pejabat Daerah Dan Tanah
2. Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
3. Pihak Berkuasa Tempatan
4. Pejabat Pos Malaysia Di Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan

Pembayaran secara **PERBANKAN INTERNET** hendaklah dibayar atas nama / 'payee'

1. Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor ATAU
2. Pejabat Tanah & Galian Selangor

 Maybank 2u.com  
making every moment count

 HSBC   
The world's local bank

 AmBank Group

 MBF cards

 RHB 

 CIMB Clicks

 BANK ISLAM

Pesanan daripada:



Penyumbang tertinggi di Malaysia

# LTH serah zakat RM14.74 juta



OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Lembaga Tabung Haji (LTH) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM14,739,426.67 bagi tahun kewangan 2015 kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam satu majlis ringkas di Istana Bukit Kayangan pada 30 Mac lalu.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima pembayaran zakat itu yang disampaikan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua

Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail.

Untuk tahun ini, jumlah pembayaran zakat LTH mencatatkan peningkatan sebanyak 6.91 peratus berbanding RM13,786,679.17 bagi 2014.

Ismee dalam kenyataan berkata, TH adalah antara institusi penyumbang tertinggi zakat perniagaan di Malaysia.

"Tahun 2015, TH mencatatkan pembayaran zakat berjumlah RM59.3 juta berbanding RM57 juta (2014) sejajar dengan kedudukan kewangan TH yang

kukuh dan baik disebalik ketidak ten-tuan ekonomi pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, pembayaran zakat ini juga dapat memastikan simpanan para pendeposit adalah bersih.

Upacara penyerahan zakat itu turut dihadiri Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail, Pengarah LTH Selangor, Mohd Sawal Abong, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa dan Mufti Selangor, Dato' Seri Mohd Tamyes Abdul Wahid.



## LZS: Terima kasih pembayar zakat

**SHAH ALAM** - Empat keluarga asnaf di daerah Kuala Selangor menerima bantuan rumah baru daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 31 Mac lalu.

Menerusi Facebooknya, LZS memaklumkan majlis penyerahan bantuan itu disempurnakan Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Dato' Mohamad Yaacob Dato Ismail.

Dengan #berzakatlah, LZS mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembayar zakat dalam meringankan beban golongan tertentu sekali gus membantu

mereka menikmati kehidupan lebih selesa.

"Alhamdulillah, semoga asnaf lebih selesa di rumah baru. Terima kasih pembayar zakat," katanya.

Sementara itu, LZS menerusi Skuad Jejak Kemiskinan (SJK) turun padang menjinji penduduk di Pangaspuri Siantan Sepang pada 30 Mac lalu.

Program terbabit dijalankan bertujuan menjelaki dan membuat siasatan terhadap permohonan asnaf fakir dan miskin sebelum sesuatu bantuan disalurkan mengikut keperluan.

WAKTU SOLAT SELANGOR 8 - 15 APRIL 2016 30 JAMADILAKHIR - 7 REJAB 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Jumaat	5.44	5:54	7.09	1:18	4:24	7:22	8:32
09 Sabtu	5.43	5:53	7.09	1:18	4:25	7:22	8:32
10 Ahad	5.43	5:53	7.09	1:17	4:25	7:22	8:31
11 Isnin	5.43	5:53	7.08	1:17	4:25	7:22	8:31
12 Selasa	5.42	5:52	7.08	1:17	4:26	7:21	8:31
13 Rabu	5.42	5:52	7.08	1:17	4:26	7:21	8:31
14 Khamis	5.41	5:51	7.07	1:16	4:26	7:21	8:31
15 Jumaat	5.41	5:51	7.07	1:16	4:27	7:21	8:31
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Jumaat	5.46	5:56	7:12	1:20	4:26	7:24	8:34
09 Sabtu	5.45	5:55	7:12	1:20	4:27	7:24	8:34
10 Ahad	5.45	5:55	7:12	1:19	4:27	7:24	8:33
11 Isnin	5.45	5:55	7:11	1:19	4:27	7:24	8:33
12 Selasa	5.44	5:54	7:11	1:19	4:28	7:23	8:33
13 Rabu	5.44	5:54	7:11	1:19	4:28	7:23	8:33
14 Khamis	5.43	5:53	7:10	1:18	4:28	7:23	8:33
15 Jumaat	5.43	5:53	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33



## PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender - petender yang berdaftar dengan UPEN Dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa dibenarkan menyertai tender berikut:-

No Tender	Kod Bidang	Kod Bidang	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen
PTGS/TENDER 03/2016	CADANGAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENCETAK KERTAS KESELAMATAN UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR	Kod Bidang: <b>221607</b> Mempunyai Lesen Mesin Cetak Yang Sah Dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).	05 April 2016 (Selasa) di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, <b>Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan</b>	RM50.00

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **05 April 2016 (Selasa)** pada waktu pejabat di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam , Selangor Darul Ehsan

2. Dokumen Tender akan dijual dari **05 April 2016 hingga 22 April 2016** pada waktu pejabat. Dokumen Tender **TIDAK** akan dijual selepas tempoh ini.

3. Hanya pengurus/pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti di dalam sijil pendaftaran dibenarkan mengambil atau memberi kuasa kepada kakitangan syarikat untuk mengambil Dokumen Tender. Petender/Wakil hendaklah membawa bersama SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM), SIJIL UPEN DAN SURAT PENGESEHAN PEMBEKAL DARI HEWLETT-PACKARD.

4. Salinan-salinan perakuan dan Sijil Pendaftaran yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama" **BENDAHARI NEGERI SELANGOR**".

5. Tarikh tutup tender ini adalah pada **22 April 2016** bersamaan hari Jumaat jam 12.00 tengah hari.

6. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tender di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 4 Pejabat Tanah Dan Galian Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor

Capai kesaksamaan gender

# RM50,000 jayakan kempen HeForShe



OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Sekurang-kurangnya RM50,000 diperuntukan Kerajaan Negeri bagi tujuan kempen dan program advokasi HeForShe di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Darayah Alwi, berkata kempen itu diukur dengan bilangan 'sign up' atau tandatangan komitmen HeForShe de-

ngan mensasarkan golongan lelaki berbanding wanita.

"Kerajaan Negeri merancang dan merangka program serta kempen berkenaan bagi tujuan terbabit memandangkan kesedaran awam ini adalah satu proses panjang," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, 30 Mac lalu.

Kempen HeForShe yang dilancarkan adalah bertujuan memberi kesedaran awam kepada masyarakat terutama golongan

lelaki untuk memahami kepentingan bersama mencapai kesaksamaan gender.

Darayah berkata, sehingga 23 Mac 2016, seramai 1,302,116,780 orang di seluruh dunia sudah menandatangani komitmen HeForShe.

"Daripada jumlah itu, seramai 2,276 rakyat Malaysia mendatanganinya iaitu 1,893 lelaki (83.2 peratus) dan 330 wanita (14.5 peratus), manakala 53 lain-lain (2.3 peratus)," katanya.

## 945 aduan masalah rumah tangga sehingga Februari 2016

**SHAH ALAM** - Sebanyak 945 aduan membabitkan kes rumah tangga direkodkan bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi tempoh Februari 2016.

Pengarah JAIS, Dato' Harris Kasim, berkata daripada jumlah itu, 102 kes atau 10.7 peratus direkodkan berkenaan kes penderaan dan keganasan membabitkan pasangan suami isteri.



"Golongan wanita kerap dijadikan mangsa keganasan rumah tangga berbanding lelaki kerana mereka sering dipandang lemah dari segi tenaga dan fizikal.

"Ini jumlah membimbangkan kerana kita dapat seolah-olah masyarakat di negeri ini adalah individu bermasalah," katanya pada Majlis Perasmian Penutup Seminar Pemahaman Isu Keganasan Rumah Tangga di Dewan Perdana Hotel Bluewave,

di sini, 29 Mac lalu.

Menyedari peningkatan membabitkan kes rumah tangga di Selangor, JAIS kini berusaha menambah pengetahuan pegawainya menguruskan kes berkenaan secara konsisten.

"JAIS menerusi Bahagian Undang-Undang Keluarga sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan pegawai dalam menguruskan kes seumpama ini.

"Sejajar dengan itu, penganjuran seminar dan pelbagai kempen kesedaran diharap dapat membantu masyarakat menangani isu ini dengan lebih baik," katanya.

## Dasar lebih holistik perkasa wanita

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri disaran merangka dasar lebih bermakna untuk memperkasakan kaum wanita di Selangor dan tidak terlalu bergantung kepada program Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kampung Tunku, Lau Weng San, berkata PWB tidak boleh lagi sekadar mengadakan program kosmetik seperti program memasak.

Katanya, wanita lebih memerlukan penguatkuasaan undang-undang untuk melindungi dan membantu mereka.

"Antara masalah dihadapi wanita adalah diskriminasi sama ada secara tersirat atau tersurat seperti gangguan seksual, an-

caman rogol, gaji tidak sama, peluang naik pangkat kurang, bayaran yuran taska dan tadika melampung tinggi serta stigma kononnya produktiviti ibu mengandung merosot.

Terdahulu, Syarikat Digi Telecommunications mengumumkan penawaran cuti bersalin selama enam bulan kepada kakitangan wanitanya untuk meraih kepelbagai dan mengekalkan bakat dalam kalangan pekerja.

"Maka sudah sampai masanya kerajaan merangka dasar baru," katanya ketika membahas usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DYMM Tuanku Sultan Selangor di Dewan Negeri Selangor (DNS), 30 Mac lalu.

## Memadai cuti bersalin penjawat awam 90 hari

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri belum bercadang memperkenalkan cuti bersalin selama enam bulan untuk penjawat awam.

Sebaliknya, cuti bersalin 90 hari diperuntukkan kini disifatkan memadai kerana hanya 30 penjawat awam yang memanfaatkannya sejak diperkenalkan, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Darayah Alwi.

"Kita belum bercadang untuk melaksanakannya lagi kerana 90 hari yang diperuntukkan memadai ketika ini," katanya pada sesi penggulungan usul menjunjung kasih titah DYMM Sultan Selan-

gor di Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), 31 Mac lalu.

Cuti bersalin 90 hari mula diperkenalkan Kerajaan Selangor pada Mac 2008.

Terdahulu, ADN Kampung Tunku, Lau Weng San menyarankan Kerajaan Negeri supaya merangka dasar lebih bermakna untuk memperkasakan kaum wanita di Selangor dan tidak terlalu bergantung kepada program Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Ia termasuk mencontohi syarikat Digi Telecommunications mengumumkan penawaran cuti bersalin selama enam bulan kepada kakitangan wanitanya.

## Bukti komitmen Selangor martabat wanita

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan program HeForShe menunjukkan komitmen Kerajaan Selangor mengangkat martabat wanita menjadi tungggak pembangunan negeri.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata program itu juga memerlukan kerlibatan kaum lelaki untuk menjayakannya.

"Saya menyambut baik saranan (ADN) Batu Tiga, memang benar program ini dari United Nation (UN) bagi menyelesaikan isu wanita yang bukan sahaja dibahaskan kaum wanita, tetapi juga perlu diangkat kaum lelaki."

"Selaras dengan ucapan dalam Belanjawan 2016, saya mahu Kerajaan Negeri menunjukkan komitmen semua pihak termasuk lelaki untuk memberikan kesedaran awam selain mempertahan-

dan memperjuangkan wanita," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), 30 Mac lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut memberikan contoh kepimpinan dalam Kerajaan Negeri yang dijawat wanita iaitu Pegawai Daerah Sepang dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Beliau juga percaya proses berterusan menghayati peranan wanita dapat dilaksanakan dengan seadilnya.

"Tiada masalah kerana kepimpinan Kerajaan Negeri kita 'subscribe gender' berkualiti dengan dua kepimpinan tertinggi wanita di Selangor."

"Saya yakin dan percaya Kerajaan Negeri 'subscribe gender quality' dan ia diterima baik dalam menghormati peranan kaum wanita," katanya.

Lulus peruntukan tambahan

# RM9.15 juta tingkat keselesaan Stadium Shah Alam

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM9.15 juta peruntukan tambahan diluluskan pada 29 Februari lalu bagi menaik taraf dan membaik pulih kemudahan di Stadium Shah Alam.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata antara cadangannya adalah menaik taraf pintu utama tetamu kehormat (VIP), ruang menunggu, ruang makan dan ruang menonton diraja dengan penggantian kerusi tetamu terhormat (VVIP), penaja dan media.

Katanya, cadangan kerja lain termasuk menaik taraf lampu limpah daripada 1,200 flux kepada 2,000 flux.

"Selain itu, pada 20 Januari lalu, peruntukan RM2 juta turut diluluskan bagi cadangan membaik pulih dan menaik taraf sistem pintu masuk penonton.

"Semua kerja ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai April tahun ini, lebih tepat selepas kerja penggantian rumput yang kini 90 peratus kadar kerjanya, selesai sepenuhnya," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 1 April lalu.

Pada masa sama, Amirudin berkata, bermula Januari hingga November 2015, hasil sewaan diperoleh hampir mencapai RM700,000.

"Stadium utama sewajarnya kita mampu membuat kutipan RM99,482 bersekali Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan kita berjaya kutip RM99,317,

iaitu bersamaan 99.83 peratus.

"Sementara itu, bagi tempat letak kereta bagi tujuan program dan acara, sasaran kutipan adalah RM606,572 dan hasil kutipan pula RM598,000 iaitu bersamaan 98.71 peratus," katanya.



## Gagasan Smart Selangor pacu pembangunan sukan negeri

**SHAH ALAM** - Pembangunan Sukan mampu ditingkatkan secara efektif menerusi gagasan Smart Selangor, kata Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Beliau berkata, fungsi Smart Selangor boleh diterapkan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada perubahan pengukuhan Majlis Sukan Selangor (MSN) ke arah melahirkan atlet berdaya saing di peringkat global.

"Kita menyambut baik usaha kerajaan negeri secara konsisten mewujudkan dasar peduli rakyat bukan hanya meliputi bidang kebajikan tetapi tumpuan juga di-

**Fungsi pembangunan sukan boleh ditingkatkan lebih efektif pada masa depan dengan mengaplikasikan dasar Smart Selangor itu**

### AMIRUDIN SHARI

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan

berikan kepada bidang sukan.

"Fungsi pembangunan sukan boleh ditingkatkan lebih efektif pada masa depan dengan mengaplikasikan dasar Smart Selangor itu.

"Saya percaya pelaksanaan gagasan ini membuka peluang besar kepada pembangunan sukan negeri selepas ini," katanya kepada SelangorKini.

Kerajaan Negeri sehingga kini, konsisten mewujudkan pelbagai bentuk program pembangunan sukan bagi memastikan kelancaran dan perkembangan sukan negeri pada peringkat tertinggi.

Bahkan, pada Belanjawan Selangor 2015 lalu, sebanyak RM12 juta diperuntukkan bagi kemudahan infrastruktur sukan manakala sebanyak RM17 juta disalurkan bagi program pembangunan sukan termasuk pengurusan atlet.

## RM570,869 baik pulih gelanggang futsal



**SHAH ALAM** - Sejumlah RM570,869 dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk membaik pulih 23 gelanggang futsal.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata kerja baik pulih itu dilaksanakan menerusi 10 pihak berkuasa tempatan (PBT) dan dua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) iaitu PDT Klang dan Petaling.

"Kerja membaik pulih gelanggang futsal ini adalah sebahagian daripada Projek Membaik pulih dan Menaik taraf Infrastruktur Sukan," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di

sini, pada 31 Mac lalu.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri sudah meluluskan peruntukan RM6.68 juta untuk Projek Membaik pulih dan Menaik taraf Infrastruktur Sukan.

Amirudin berkata, peruntukan tahunan projek itu sebelum ini ditingkatkan kepada RM12 juta dalam Belanjawan Selangor 2016.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri juga meningkatkan peruntukan daripada RM20,000 kepada RM40,000 bagi setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing," katanya.



**Selangor komited majukan sukan permotoran**

## Kejayaan Khairul bakar semangat

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Kejayaan Khairul Idham Pawi menjuarai Moto3 Grand Prix Argentina membuktikan negara mempunyai ramai pelumba berbakat yang boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amiruddin Shari bagaimanapun berkata, pelumba muda perlu diberikan ruang dan peluang bagi mengasah bakat di tempat betul.

"Tahniah kepada Khairul Idham atas kejayaan mencatatkan sejarah menjadi orang pertama naik podium sebagai juara Moto3.

"Beliau bermula dengan Cub Prix kira-kira empat atau lima tahun lalu sebab itu kita menggalakkan sukan ini dengan membuka litar rakyat dan kita bererus-

an memberi sokongan pertandingan Cub Prix," katanya kepada SelangorKini.

Ketika mengulas usaha Selangor membangunkan sukan pemotoran, Amiruddin memberitahu, pada tahun lalu Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200,000 bagi menaik taraf litar lumba rakyat di

Kuala Selangor.

"Pada tahun ini kita cuba masukkan lagi dalam belanjawan. Kebanyakannya untuk pembangunan dan saya diberi maklum balas Litar Rakyat sangat baik untuk mereka berjinak mulakan latihan

dan dapat selesaikan isu lumba haram.

"Litar Rakyat mampu melahirkan bakat muda dan seterusnya pergi ke peringkat antarabangsa seperti Khairul Idham. Ini pertunjuk sangat baik. Kerajaan Negeri beri sokongan sepenuhnya," katanya.



## KSSB taja RM30,000 bantu pelumba Orang Asal



**SHAH ALAM** - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) menghulurkan sumbangan penajaan sebanyak RM30,000 bagi membantu pelumba OA Racing, Azrul Affendi Hadi mengharungi perlumbaan Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016.

Ketua Pegawai Kewangan KSSB, Fariz Ghazali, berkata sumbangan itu dihulurkan bagi membolehkan Azrul meningkatkan prestasinya sekali gus membawa nama Selangor ke peringkat lebih tinggi.

"Kita bersetuju beri sumbangan secara penajaan dengan harapan ia dapat meningkatkan prestasi Azrul sekaligus memenangi seberapa banyak perlumbaan."

"Harap Azrul dapat semangat baru. Kita memang hendak tengok golongan Orang Asal maju dalam pelbagai lapangan termasuk pemotoran dan menaikkan nama negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada



Majlis Penyampaian Tajaan Kepada Azrul di Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Selangor di Bangunan Darul Ehsan pada 30 Mac lalu.

Faris berkata, KSSB mengetahui masalah penajaan dihadapi Azrul selepas ditemui pengurus pasukan OA Racing, Hadi Anak Jembik yang juga bapa kepada Azrul.

Katanya, tajaan itu juga diberikan atas faktor keprihatinan KSSB terhadap kebijakan masyarakat setempat di kawasan operasi syarikat itu.

"Pasukan ini berasal dari Labuhan Dagang, Kuala Langat iaitu salah satu daripada kawasan operasi KSSB," katanya.